Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

# GARIS PANDUAN

## PELAKSANAAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR








MALAYSIA MADANI

**Cetakan Pertama 2024**

Mana-mana bahagian dalam garis panduan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau pun dipindahkan dalam sebarang bentuk, sama ada dengan cara elektronik, gambar rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah, Jabatan Perancangan Bandaraya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Garis panduan pelaksanaan penilaian impak sosial di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melalui Jabatan Perancangan Bandaraya secara ‘in-house’ dengan kerjasama daripada Jabatan Wilayah Persekutuan, PLANMalaysia dan pelbagai pihak berkepentingan sebagaimana yang dinyatakan di bahagian penghargaan.

**Diterbitkan Oleh**

Jabatan Perancangan Bandaraya,
Tingkat 9, Menara DBKL 1,
Jalan Raja Laut, 50350,
Kuala Lumpur.
Tel: 03- 2617 9632/9633
Email: *jprb@dbkl.gov.my*
*sia.jprb@gmail.com*

# PRAKATA

*Assalammualaikum dan*
*Salam Malaysia* ***MADANI,***

Garis Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (SIA) Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) merupakan salah satu usaha Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ke arah memastikan pembangunan akan datang dirancang dengan berkesan dan dapat memberi impak sosial yang positif kepada kehidupan serta kesejahteraan penduduk. Penyediaan dokumen ini juga merupakan antara komitmen DBKL dalam melaksanakan dasar yang telah dilaksanakan di peringkat global, nasional dan tempatan seperti *Sustainable Development Goals* (SDG), Malaysia Madani, Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) dan seumpamanya. Garis panduan ini ringkasnya mengandungi penerangan secara menyeluruh mengenai prosedur dan tatacara permohonan SIA mengikut kategori pembangunan yang telah ditetapkan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Garis panduan ini juga dilihat sebagai salah satu alat perancangan yang akan membantu pihak DBKL dalam mempertimbangkan sesuatu kelulusan cadangan pembangunan agar impak sosial ke atas kehidupan penduduk setempat dan kumpulan yang terkesan dapat dikurangkan. Ini bagi memastikan juga bahawa pembangunan di Kuala Lumpur pada masa akan datang dapat berkembang maju sejajar dengan kesejahteraan, keharmonian dan kebahagiaan yang berterusan untuk dinikmati oleh setiap penduduk di bandar ini. Hasil kemakmuran tersebut juga akan memberi impak positif ke atas kehidupan mereka dan tidak memudaratkan di kemudian hari. Perkara ini dilihat amat jelas dalam mencapai matlamat dan visi bagi pembangunan di Kuala Lumpur iaitu “Bandar untuk Semua”.

Panduan Pelaksanaan ini secara umumnya mengandungi penerangan secara menyeluruh mengenai prosedur dan tatacara permohonan SIA mengikut kategori pembangunan yang ditetapkan. Selain itu, penilaian SIA WPKL dibuat melalui penubuhan Jawatankuasa Penilaian SIA dan Jawatankuasa Pemantauan SIA yang berperanan untuk memandu DBKL dan agensi yang terlibat di dalam melaksanakan pemantauan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP).




DBKL akan terus berusaha untuk memperbaiki gerak kerja organisasi ini terutamanya berkenaan prosedur-prosedur yang berkaitan perancangan seperti SIA ini, agar impak positif dari perancangan dan pembangunan di bandar ini dapat dinikmati oleh semua penduduk yang sekali gus dapat meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap penyampaian perkhidmatan awam . DBKL juga berharap akan terus mendapat kerjasama dan sokongan daripada semua pihak agar matlamat utama dalam pelaksanaan SIA dapat dicapai demi kepentingan dan kesejahteraan seluruh warga kota

Sekian, terima kasih dan salam hormat.
Datuk Bandar Kuala Lumpur
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

# KANDUNGAN GARIS PANDUAN


Isi Kandungan iii
Senarai Rajah iv
Senarai Jadual iv

**Kandungan Bab**
**1.0 Tujuan** 1
**2.0 Latar Belakang** 2
**3.0 Prinsip SIA** 3
**4.0 Definisi** 4
4.1 Penilaian Impak Sosial 5

**5.0 Penerapan Dasar dan Komitmen Dalam Penyediaan Garis Panduan SIA** 6
5.1 Dasar dan Komitmen Peringkat Global 6
5.2 Dasar dan Komitmen Peringkat Tempatan 7

**6.0 Skop Garis Panduan** 7
**7.0 Fungsi SIA Dalam Projek Pembangunan** 8
**8.0 Cadangan Pembangunan Yang Terlibat Dengan Penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial Bagi WPKL (Kategori A dan B)** 9
**9.0 Orang Berkelayakan Menyediakan Laporan SIA** 13
**10.0 Prosedur Pengemukaan Permohonan dan Penilaian SIA WPKL** 13
10.1 Prosedur Pengemukaan Laporan SIA 13
10.2 Pengemukaan Laporan SIA 17
10.3 Penilaian Laporan SIA 17
10.4 Proses SIA 21
10.5 SIA Dan Penglibatan Awam 30

**11.0 Penutup** 31

Tafsiran Terma 32
Singkatan Kata 33
Penghargaan
Lampiran 1 - 5

## SENARAI RAJAH


| | | | |
|---|---|---|---|
| Rajah 1 | : | Carta Alir Prosedur dan Tatacara Pengemukaan Permohonan dan Penilaian Laporan SIA WPKL Bagi Kaedah 1 (Kategori B sahaja) | 15 |
| Rajah 2 | : | Carta Alir Prosedur dan Tatacara Pengemukaan Permohonan dan Penilaian Laporan SIA WPKL Bagi Kaedah 2 (Kategori A) | 16 |
| Rajah 3 | : | Proses SIA | 22 |
| Rajah 4 | : | Tujuh Elemen Sosial yang Bernilai Kepada Manusia | 25 |
| Rajah 5 | : | Parameter Penilaian Impak | 26 |
| Rajah 6 | : | Kaedah Pelaksanaan Hirarki Mitigasi | 27 |
| Rajah 7 | : | Komponen-Komponen SIMP | 28 |


## SENARAI JADUAL


| | | | |
|---|---|---|---|
| Jadual 1 | : | Pembangunan bagi SIA Kategori A Yang Tertakluk Kepada Penyediaan SIA bagi WPKL | 9 |
| Jadual 2 | : | Pembangunan bagi SIA Kategori B Yang Tertakluk Kepada Penyediaan SIA bagi WPKL | 10 |
| Jadual 3 | : | Pilihan Kaedah Pengemukaan Laporan SIA ke DBKL | 14 |
| Jadual 4 | : | Penilaian Laporan SIA bagi WPKL | 17 |
| Jadual 5 | : | Keanggotaan Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 18 |
| Jadual 6 | : | Data Asas dalam Proses SIA | 24 |
| Jadual 7 | : | Keanggotaan Mesyuarat Pemantauan SIMP Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | 29 |

# 1.0 TUJUAN

Garis panduan ini digunakan oleh pemaju iaitu penggerak projek termasuk agensi pelaksana dan pihak-pihak berkepentingan sebagai panduan dalam penyediaan laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) ke atas pembangunan yang telah dikenalpasti mempunyai impak sosial ketara sebelum kelulusan pembangunan diperolehi. Garis panduan ini juga akan menerangkan mengenai definisi SIA dan prosedur permohonan yang melibatkan kelulusan SIA bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL). Laporan SIA ini seterusnya akan menjadi panduan untuk pelaksanaan pemantauan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan juga agensi/ jabatan luaran DBKL yang terlibat.

Sebagai makluman, garis panduan ini perlu dibaca bersama Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan (PPSIA) 2023 khususnya merujuk kepada Bab 3 hingga Bab 7 yang menerangkan proses melaksanakan kajian SIA dan format penyediaan Laporan SIA.




PPSIA 2023,
PLANMalaysia




Garispanduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (SIA) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

# 2.0 LATAR BELAKANG

Bagi mencapai pembangunan mampan dan berdaya huni di Kuala Lumpur, Penilaian Impak *Sosial ataupun Social Impact Assessment* (SIA) wajar diamalkan di dalam proses perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pembangunan. Ini kerana  pembangunan sama ada projek kerajaan atau swasta boleh menimbulkan kesan sosial kepada masyarakat dan komuniti setempat sama ada dalam bentuk positif atau negatif. Projek yang dijangka menimbulkan kesan sosial negatif serta ketara *(significant)* merupakan projek yang perlu diberi perhatian supaya impak sosial yang negatif ini dapat dielakkan atau diminimumkan semasa dalam proses perancangan, pembinaan mahupun pengoperasian di tapak.

Selaras dengan pelaksanaan Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan (PPSIA) 2023 yang telah diwartakan di peringkat Persekutuan melalui Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2017 (Akta A1522), PPSIA 2023 telah menetapkan dua kategori SIA iaitu SIA Kategori A dan SIA Kategori B. SIA Kategori A merupakan pelaksanaan SIA yang perlu mendapat nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) manakala SIA Kategori B merujuk kepada pelaksanaan SIA yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan. PPSIA 2023 juga menggariskan proses melaksanakan kajian SIA seperti metodologi, format laporan dan senarai semak pematuhan SIA (Bab 3 – Bab 7). PPSIA 2023 menjadi rujukan utama dalam garis panduan ini selaras dengan Pekeliling Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Bilangan 4 Tahun 2023, KPKT untuk pemakaian PBT di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan.

Dalam konteks garis panduan ini, projek pembangunan di bawah SIA Kategori A dan Kategori B di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah tertakluk kepada prosedur dan tatacara yang ditetapkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selaku Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab dalam pengurusan, perancangan dan penguatkuasaan di dalam bandar ini. Justeru, garis panduan yang disediakan ini akan menerangkan pelaksanaan SIA untuk WPKL serta menjelaskan prosedur permohonan dan kelulusan SIA serta tatacara penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) untuk pembangunan baharu dan pindaan yang dikemukakan kepada Bahagian Urusetia Pusat Setempat (OSC), DBKL.



# 3.0 PRINSIP ASAS DALAM PELAKSANAAN SIA

Merujuk kepada kajian ilmiah oleh F. Vanclay (2003) di dalam kertas khas bagi penerbitan International Association for Impact Assessment, USA dan diadaptasi juga di dalam PPSIA2023, antara prinsip asas di dalam pelaksanaan SIA adalah seperti berikut:

i. Elemen utama yang perlu diambilkira dalam membuat pertimbangan impak dan perancangan pembangunan adalah nilai **kesaksamaan;**
ii. Membuat **jangkaan awal kesan sosial impak** yang akan berlaku melalui langkah-langkah pencegahan dan mitigasi yang bersesuaian;
iii. Sebarang **pembangunan boleh diubahsuai** bagi mengurangkan impak sosial negatif dan meningkatkan impak positif;
iv. SIA seharusnya menjadi **pelengkap kepada proses** pembangunan iaitu bermula daripada peringkat awal perancangan sehingga kepada peringkat operasi;
v. Bagi meningkatkan fokus ke atas pembangunan bandar yang lebih berlestari, SIA dan EIA merupakan antara alternatif perancangan pembangunan yang terbaik dan mampu memberikan pelbagai manfaat terutamanya dalam **mengimbangi antara faedah ekonomi dan kos sosial;**
**vi. Pengetahuan dan pengalaman serta perbezaan nilai budaya** setempat hendaklah diterapkan di dalam penilaian yang dijalankan;
vii. SIA hendaklah **mengambil kira alternatif** bagi pembangunan, terutamanya pembangunan yang melibatkan impak yang tidak dapat dielakkan;
viii. Sekiranya terdapat impak sosial yang tidak dapat dielakkan, maka langkah bersesuaian perlu dikenal pasti bagi memastikan **komuniti terjejas mendapat manfaat;**
**ix. Pertimbangan sewajarnya** perlu diberi kepada langkah mitigasi impak sosial yang ketara, walaupun komuniti setempat bersetuju dengan pembangunan yang telah dirancang; dan
x. Faktor **pengukuhan modal insan** bagi komuniti setempat perlu dititikberatkan.



# 4.0 DEFINISI

## 4.1 Penilaian Impak Sosial (SIA)

*International Association for Impact Assessment* (IAIA) mendefinisikan SIA sebagai **"Suatu proses mengenalpasti, menganalisis, memantau dan mengurus impak-impak positif dan negatif sama ada yang dijangka dan di luar jangkaan serta proses-proses perubahan sosial hasil daripada pelaksanaan sesuatu dasar, program, pelan atau projek".**

Berdasarkan definisi ini, SIA boleh dirumuskan sebagai satu proses penilaian untuk:

i. Mengkaji dan menilai impak-impak sosial yang dijangka terhasil akibat pelaksanaan sesuatu pembangunan kepada individu atau komuniti;
ii. Merangka langkah-langkah mitigasi yang praktikal dan berkesan untuk mengatasi atau mengurangkan impak negatif akibat pembangunan dan memantau keberkesanan langkah-langkah tersebut;
iii. Merangka langkah-langkah efektif bagi memperkukuh impak positif; dan
iv. Menggunakan hasil penilaian sebagai salah satu asas pertimbangan untuk meluluskan sebarang pembangunan yang dicadangkan.

### 4.1.1 Laporan Penilaian Impak Sosial (Laporan SIA)

Laporan Penilaian Impak Sosial (Laporan SIA) merupakan laporan yang disediakan oleh pihak perunding SIA bertauliah yang dilantik oleh pemaju untuk menjalankan Kajian Penilaian Impak Sosial mengikut proses SIA yang bermula dari peringkat perancangan, semasa dan selepas pembinaan. Kajian Penilaian Impak Sosial akan mengenalpasti kesan sosial secara langsung atau tidak langsung kepada penduduk oleh sesuatu pembangunan.

Laporan SIA ini juga mengandungi **Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP)** yang menunjukkan strategi dan langkah mitigasi impak yang akan dilaksanakan oleh pihak pemaju untuk tujuan pengurusan dan pemantauan sebelum, semasa dan selepas pembinaan oleh pihak DBKL dan jabatan/ agensi luaran DBKL yang terlibat. Laporan SIA ini perlu mendapatkan kelulusan penilaian dari Mesyuarat Panel Penilaian SIA WPKL terlebih dahulu sebelum pertimbangan kelulusan kebenaran perancangan.



Bagi DBKL, Laporan SIA menjadi salah satu keperluan dokumen dalam kelulusan pembangunan di bawah Seksyen 22(4), Akta (Perancangan Wilayah) Persekutuan 1982 (Akta 267). Penyediaan Laporan SIA akan disediakan mengikut dua jenis ciri pembangunan iaitu Kategori A dan Kategori B. Kedua- dua kategori ini telah dipraktiskan pelaksanaannya menerusi Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan (PPSIA) 2023 dan diadaptasi mengikut kesesuaian perancangan dan pelaksanaan pembangunan di peringkat DBKL. Perincian bagi kedua-dua kategori tersebut adalah seperti berikut:

**i. SIA Kategori A:**

Laporan SIA bagi kategori A disediakan bagi pembangunan yang berskala besar dan berimpak tinggi negara. Prosedur kelulusan SIA bagi kategori ini adalah di bawah kawalan DBKL dan seterusnya akan dimaklumkan ke peringkat MPFN.

Secara khususnya, pembangunan di bawah SIA Kategori A bagi WPKL adalah terdiri daripada projek pembangunan seperti berikut:

a) Pembinaan infrastruktur yang merentasi dua negeri atau lebih
   - Pembinaan infrastruktur utama negara seperti rangkaian pengangkutan keretapi, lebuh raya, dan

b) Perbandaran baharu dengan keluasan melebihi 100 hektar atau bilangan penduduk melebihi 10,000 orang



**ii. SIA Kategori B:**

Laporan SIA bagi kategori B disediakan bagi projek pembangunan yang mempunyai impak sosial ketara sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak DBKL. Ianya tidak perlu diangkat ke peringkat MPFN dan prosedur kelulusan SIA bagi kategori B juga adalah di bawah kawalan DBKL.

### 4.1.2 Impak Sosial Ketara

Impak Sosial Ketara didefinisikan sebagai impak sosial negatif yang dikenalpasti mempunyai kesan nyata, boleh dijangka dan berlaku secara langsung. Kesan ketara dari impak sosial yang dijangka berlaku memerlukan strategi mitigasi dan pengurusan impak serta langkah- langkah pelaksanaan yang komprehensif termasuklah aspek pemantauan pengurusan impak. Impak sosial ketara ini melibatkan keperluan penyediaan Laporan SIA yang mana penilaiannya tidak mencukupi untuk hanya dipertimbangkan melalui Laporan Cadangan Pemajuan (LCP).

# 5.0 PENERAPAN DASAR DAN KOMITMEN DALAM PENYEDIAAN GARIS PANDUAN SIA WPKL

## 5.1 Dasar dan Komitmen di Peringkat Global




i. *Sustainable Development Goal's* (SDGs) telah menggariskan 17 matlamat dengan penetapan sebanyak 169 sasaran. Dalam konteks pelaksanaan SIA, ianya dilihat adalah selaras dengan matlamat berikut:

a. **SDG 11:** *Sustainable Cities and Communities*
b. **SDG 16:** *Peace, Justice and Strong Institutions*
c. **SDG 17:** *Partnership for The Goals*




ii. Manakala di bawah Agenda Perbandaran Baharu (*New Urban Agenda*- NUA) yang berkait rapat dengan perkara sosial antaranya adalah di bawah teras **Komitmen Transformatif Untuk Pembangunan Bandar Mampan** (perkara 26 dan 27) seperti berikut:

a. **Perkara 26: Pembangunan bandar** dan luar bandar **yang mengutamakan rakyat,** melindungi planet ini, dan responsif umur dan jantina dan untuk merealisasikan semua hak-hak dan kebebasan asasi manusia, hidup bersama, menamatkan semua bentuk diskriminasi dan keganasan, dan memperkasa semua individu dan masyarakat, di samping **membolehkan penyertaan penuh dan bermakna mereka.** Mempromosi budaya dan menghormati kepelbagaian dan kesaksamaan sebagai elemen utama dalam pemanusiaan bandar dan penempatan penduduk;

b. **Perkara 27:** Tidak ada sesiapa pun akan ketinggalan, dan komited untuk menggalak **perkongsian dan manfaat yang sama rata yang pembandaran boleh tawarkan,** sama ada tinggal di kawasan formal atau tidak formal, untuk menjalani **kehidupan yang baik, mulia, dan bermanfaat dan mencapai potensi penuh manusia.**

## 5.2 Dasar dan Komitmen di Peringkat Tempatan




i. Membangun Negara Madani menggariskan 6 rukun utama dengan setiap satunya diperincikan melalui 8 elemen penting dalam pembuatan dasar. Dalam konteks pelaksanaan SIA, rukun yang berkaitan dengan perkara sosial dan masyarakat adalah rukun yang berikut:

a. **Kesejahteraan**

Kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu dan **kepelbagaian pandangan**

ii. Penyediaan garis panduan ini adalah selari dengan visi Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) yang memberi fokus kepada perancangan dan pembangunan masa hadapan melalui satu pelaksanaan yang lebih transformatif dan efektif dengan mengambil kira aspirasi komuniti masa hadapan yang peka kepada perubahan teknologi, **memerlukan akses yang mudah kepada maklumat, mementingkan maklum balas dan pencapaian serta keseimbangan dan kualiti kehidupan harian.**




## 6.0 SKOP GARIS PANDUAN

Garis panduan ini meliputi skop seperti berikut:

i. Garis panduan ini digunapakai untuk semua pembangunan baharu dan pindaan dan pindaan di dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dikenalpasti mempunyai impak sosial ketara dan belum memperolehi kelulusan pembangunan

ii. Garis panduan ini digunapakai oleh DBKL semasa menimbang dan membuat penilaian ke atas permohonan kebenaran perancangan yang dikemukakan melalui Urusetia Pusat Setempat (OSC) DBKL.

iii. Garis panduan ini digunapakai untuk penyediaan Laporan SIA bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang terlibat dalam SIA Kategori A dan Kategori B.



# 7.0 FUNGSI SIA DALAM PROJEK PEMBANGUNAN

Penyediaan SIA merupakan sebahagian daripada proses perancangan di mana penilaian impak sosial telah dijadikan sebagai salah satu kriteria penilaian dalam mempertimbangkan kelulusan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Fungsi SIA dalam perancangan dan kelulusan projek pembangunan adalah seperti berikut:

**i. DBKL**

Laporan SIA adalah suatu alat membuat keputusan (*decision making tool)* yang juga dapat membantu memberi penjelasan kepada komuniti dan masyarakat mengenai jangkaan impak-impak positif dan negatif serta langkah-langkah mitigasi impak dari pelaksanaan sesuatu pembangunan. Laporan SIA ini menjadi salah satu sumber maklumat asas mengenai profil dan sosio-ekonomi penduduk yang dijangka menerima kesan pembangunan termasuk aspek institusi sosial dan budaya serta warisan tempatan. Perincian langkah-langkah mitigasi yang dicadangkan bagi mengurangkan impak negatif ke atas masyarakat setempat dapat membantu DBKL mengurus dan memantau pelaksanaan mitigasi impak di samping menetapkan keutamaan isu yang perlu diselesaikan.

Justeru, Laporan SIA yang disediakan oleh perunding SIA harus menyediakan maklumat yang mencukupi dan boleh dipercayai tentang impak-impak positif dan negatif dan langkah pengurusan untuk membolehkan pihak DBKL membuat keputusan *(informed decision)* selaras dengan dasar/ aspirasi negara.

**ii. Penggerak Projek/ Pemaju**

SIA adalah suatu proses membantu perancangan *(project planning tool)* bagi penggerak projek/ pemaju. Ianya membantu pemaju dan pelabur memahami keperluan, nilai dan budaya penduduk setempat dan memastikan supaya pembangunan yang dirancang tidak bercanggah dengan nilai dan norma tempatan disamping memenuhi kehendak penduduk setempat dan juga pihak berkepentingan yang dijangka menerima impak daripada pembangunan tersebut.

Justeru, analisis, kajian saintifik dan jangkaan dari SIA harus membawa kepada perancangan projek yang lebih baik dari segi sosial, mengurangkan kos kepada masyarakat, meminimakan impak dan mematuhi semua peraturan yang ditetapkan.

Laporan SIA yang dikemukakan kepada pihak DBKL merupakan komitmen penggerak projek/ pemaju dalam melaksanakan tanggungjawab kepada masyarakat setempat. Oleh itu, Laporan SIA hendaklah membuktikan bahawa:

i. Projek pembangunan yang dicadangkan adalah selari dengan dasar dan visi Pelan Pembangunan Kuala Lumpur serta mematuhi aspek perundangan;
ii. Faedah kepada masyarakat dari projek tersebut adalah lebih tinggi dari kos kepada masyarakat; dan
iii. Impak negatif dari projek tersebut telah dikurangkan ke tahap yang minima dan impak positif dapat dioptimumkan.

# 8.0 CADANGAN PEMBANGUNAN YANG TERLIBAT

## DENGAN PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL BAGI KUALA LUMPUR (KATEGORI A DAN B)

Keseluruhannya, sebanyak **dua (2)** klasifikasi pembangunan bagi **kategori A** dan **enam (6)** bagi **kategori B** telah dikenalpasti untuk keperluan penyediaan SIA iaitu seperti di Jadual 1 dan Jadual 2 berasaskan kepada impak sosial ketara yang dijangka terhasil akibat dari cadangan sesuatu projek pembangunan tersebut.

**Jadual 1:** Cadangan Pembangunan bagi SIA Kategori A Yang Tertakluk Kepada Penyediaan SIA bagi WPKL

| BIL | KLASIFIKASI PEMBANGUNAN | JENIS PEMBANGUNAN | CIRI PEMBANGUNAN | IMPAK SOSIAL KETARA |
|---|---|---|---|---|
| **1.** | **Infrastruktur** | a. Rangkaian Pengangkutan Kereta Api<br>• Pembinaan jajaran dan stesen kereta api baharu (tertakluk Akta Pengangkutan Awam Darat 2010) | i. Landasan merentasi antara bandar yang **melibatkan dua negeri** (termasuk Wilayah Persekutuan) atau lebih. | i. Pemecahan komuniti atau pecah tanah (severance) akibat halangan fizikal.<br>ii. Risiko keselamatan masyarakat awam melibatkan pembinaan struktur berat.<br>iii. Impak bunyi bising sewaktu pembinaan dan operasi memberi kesan terhadap daya huni sesuatu Kawasan.<br>iv. Pengambilan balik tanah |
| | | b. Rangkaian Lebuh Raya<br>• Lebuh Raya Ekspress R6/U5<br>• Lebuh Raya Kategori R5/U5 | i. Pembinaan Lebuh raya baharu yang **merentasi dua negeri** (termasuk Wilayah Persekutuan) atau lebih.<br>ii. Projek naik taraf jalan yang merentasi dua negeri (termasuk Wilayah Persekutuan) atau lebih. | |
| **2.** | **Perbandaran Baru** | a. Perbandaran Baru<br>• Pembangunan Bercampur<br>• Perumahan<br>• Perdagangan | i. Perbandaran baharu dengan keluasan melebihi 100 hektar atau bilangan penduduk melebihi 10,000 orang yang akan dibangunkan di dalam kawasan pentadbiran DBKL | i. Tekanan kepada kemudahan awam sedia ada;<br>ii. Penurunan dan pertambahan bilangan penduduk;<br>iii. Jurang ekonomi dan sosial antara komuniti sedia ada dan komuniti yang baharu.<br>iv. Kesan kepada keadaan lalu lintas. |

**Jadual 2:** Cadangan Pembangunan bagi SIA Kategori B Yang Tertakluk Kepada Penyediaan SIA bagi WPKL

| BIL | KLASIFIKASI PEMBANGUNAN | JENIS PEMBANGUNAN | CIRI PEMBANGUNAN | IMPAK SOSIAL KETARA |
|---|---|---|---|---|
| **1.** | **Utiliti** | **i. Insinerator (Loji WTE: Waste to Energy/ Loji Rawatan Termal)** | i. Pembangunan baru loji insinerator di luar skim pembangunan;<br>ii. Pembinaan dimana fungsi dan operasinya bukan sekadar untuk menampung keperluan penduduk setempat sahaja | i. Terdapat kawasan kediaman atau elemen *residing* (antaranya kuarters, pangsapuri perkhidmatan dan penginapan pelancong) **dalam radius lingkungan/ jarak 500-meter** dari tapak pembangunan yang dikhuatiri boleh menjejas kualiti hidup dan mendatangkan kacau ganggu dan lain-lain impak<br>ii. Kesan terhadap kebersihan dan kesihatan penduduk setempat.<br>iii. Kesesakan lalu lintas dari pertambahan kenderaan berat pengangkutan sisa yang mengganggu ketenteraman penduduk setempat.<br>iv. Menjejaskan daya huni sesuatu kawasan.<br>v. Kesan kepada nilai hartanah di kawasan sekitar. |
| | | **ii. Pusat Pengolahan Sisa**<br>a. Tapak pelupusan sisa pepejal berskala besar<br>b. Tapak stesen pemindahan sisa pepejal (transfer station)<br>c. Materials Recovery Facilities (MRF)<br>d. Transfer Station Recovery Facilities (TRF) | i. Pembinaan dimana fungsi dan operasinya bukan sekadar untuk menampung keperluan penduduk setempat sahaja | |
| | | **iii. Kolam Takungan Banjir/ Pembesaran Kolam Takungan Banjir sedia ada/ Kolam Tadahan Air/ Loji Pembersihan Air** | i. Hanya yang melibatkan pengambilan balik tanah sahaja. | |
| | | **iv. Tenaga: Pencawang Masuk Utama (PMU)** | i. Pembinaan baru PMU yang melebihi 274kv dengan keluasan 4 ekar dan ke atas | |

| BIL | KLASIFIKASI PEMBANGUNAN | JENIS PEMBANGUNAN | CIRI PEMBANGUNAN | IMPAK SOSIAL KETARA |
|---|---|---|---|---|
| 2. | **Penginapan Pekerja Berpusat (*Centralized Labour Quarters:* CLQ)** | **Penginapan Pekerja Berpusat (*Centralized Labour Quarters:* CLQ) dan Asrama Pekerja** | **i. Pembangunan baru CLQ atau penukaran kegunaan bangunan kepada asrama pekerja**<br>a. Bilangan pekerja ≥ 200 orang sama ada pembangunan kekal atau sementara<br>b. Melibatkan pembangunan CLQ/ asrama pekerja di luar tapak bina sahaja<br><br>**ii. Pembesaran CLQ sedia ada**<br>a. Bilangan pekerja ≥ 200 orang sama ada pembangunan kekal atau sementara<br>b. Melibatkan pembangunan CLQ di luar tapak bina sahaja | i. Terdapat kawasan kediaman atau elemen *residing* (antaranya kuarters, pangsapuri perkhidmatan dan penginapan pelancong) dalam **radius lingkungan/ jarak 500-meter** dari tapak pembangunan yang dikhuatiri boleh mengalami kualiti persekitaran hidup yang terjejas termasuk pendedahan kepada keselamatan dan bahaya serta kacau ganggu.<br>ii. Perubahan sosio-budaya, peningkatan gejala sosial dan risiko penularan penyakit.<br>iii. Kesesakan lalu lintas dan pertambahan bas-bas pekerja keluar masuk yang mengganggu ketenteraman penduduk setempat.<br>iv. Kesan kepada nilai hartanah di kawasan sekitar.<br><br>Jurang ekonomi dan sosial antara komuniti sedia ada dan komuniti yang baharu |
| 3. | **Perubahan Pelan Tempatan di bawah Seksyen 17, Akta 267** | Permohonan Perubahan kepada Pelan Tempatan di bawah Seksyen 17, Akta 267 | **i. Semua Zon Guna Tanah**<br>a. Melibatkan keluasan 5 ekar dan ke atas dengan melibatkan perubahan penambahan intensiti sekurang-kurangnya 50% dari asal<br><br>**i. Zon Guna Tanah Kemudahan Masyarakat Awam, Infrastruktur dan Utiliti dan Kawasan Lapang Awam**<br>a. Melibatkan keluasan 5 ekar dan ke atas. | i. Terdapat kawasan kediaman atau elemen *residing* (antaranya kuarters, pangsapuri perkhidmatan dan penginapan pelancong) dalam **radius lingkungan/ jarak 500-meter** dari tapak pembangunan yang dikhuatiri boleh mengalami kualiti persekitaran hidup yang terjejas.<br>ii. Kehilangan kemudahan awam dan kawasan rekreasi kepada masyarakat setempat.<br>iii. Peningkatan kepada pertambahan intensiti (kepadatan dan nisbah plot) memberi tekanan kepada kemudahan awam sedia ada.<br>iv. Kesesakan lalulintas |

| BIL | KLASIFIKASI PEMBANGUNAN | JENIS PEMBANGUNAN | CIRI PEMBANGUNAN | IMPAK SOSIAL KETARA |
|---|---|---|---|---|
| 4. | **Pembangunan Semula** | Semua pembangunan semula berskala projek besar | i. Pertambahan intensiti dari pembangunan sedia ada<br>a. Melibatkan pembangunan semula yang melebihi ≥ 5 ekar dan ke atas<br>b. Pembangunan semula bagi kawasan sedia ada yang telah usang, bangunan tidak dihuni serta terbiar<br>c. Melibatkan pemindahan atau penempatan semula penduduk. | i. Terdapat kawasan kediaman atau elemen *residing* (antaranya kuarters, pangsapuri perkhidmatan dan penginapan pelancong) dalam **radius lingkungan/ jarak 500-meter** dari tapak pembangunan yang dikhuatiri boleh mengalami kualiti persekitaran hidup yang terjejas<br>ii. Peningkatan kepada pertambahan intensiti (kepadatan dan nisbah plot) memberi tekanan kepada kemudahan awam sedia ada.<br>iii. Jurang ekonomi dan sosial antara komuniti sedia ada dan komuniti yang baharu.<br>iv. Kesan kepada keadaan lalu lintas semasa dan selepas pembinaan<br>v. Kehilangan identiti setempat (warisan dan budaya) dan perubahan gaya hidup seperti contohnya aspek kesihatan dan kesejahteraan komuniti<br>vi. Impak bunyi bising sewaktu pembinaan memberi kesan ke atas daya huni sesuatu kawasan |
| 5. | **Loji Pembancuh Konkrit *(Batching Plant)*** | **Loji Pembancuh Konkrit *(Batching Plant)*** | i. *Batching plant* baru untuk tujuan komersil sama ada pembangunan kekal atau sementara | i. Terdapat kawasan kediaman atau elemen *residing* (antaranya kuarters, pangsapuri perkhidmatan dan penginapan pelancong) dalam **radius lingkungan/ jarak 500-meter** dari tapak pembangunan yang dikhuatiri boleh mengalami kualiti persekitaran hidup yang terjejas<br>ii. Kesesakan lalu lintas dan pertambahan kenderaan berat yang mengganggu ketenteraman penduduk setempat.<br>iii. Risiko keselamatan daripada aktiviti tersebut kepada komuniti setempat.<br>iv. Kesan kepada nilai hartanah di kawasan sekitar. |
| 6. | **Projek-Projek Lain Yang Ditentukan Oleh Pihak DBKL Dari Semasa ke Semasa** | i. Projek-projek lain yang ditentukan oleh DBKL dari semasa ke semasa yang memberikan **impak sosial ketara kepada masyarakat setempat;**<br>ii. Pembangunan yang berada di kawasan berpotensi pelbagai jenis risiko bencana. | | |

# 9.0 ORANG BERKELAYAKAN MENYEDIAKAN LAPORAN SIA

Orang berkelayakan bagi menyediakan Laporan SIA adalah Perunding SIA dalam kalangan ahli-ahli yang berdaftar dengan *Malaysian Association of Social Impact Assessment* (MSIA) dan/atau Pertubuhan Perancang Bandar Malaysia (MIP) yang mempunyai kemahiran dalam rundingan komuniti dan mempunyai pengetahuan yang luas mengenai proses mendapatkan kelulusan kebenaran perancangan dan kajian penilaian impak sosial. Justeru, Laporan SIA perlu disediakan oleh Perunding SIA yang berkompetensi, berkeupayaan, berkemahiran dan mempunyai pengalaman professional dalam bidang penilaian impak.

# 10.0 PROSEDUR PENGEMUKAAN PERMOHONAN DAN PENILAIAN SIA WPKL BAGI SIA KATEGORI A DAN B

DBKL bertanggungjawab menilai dan memberi kelulusan terhadap Laporan SIA yang disediakan oleh pihak pemaju melalui Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA DBKL. Tujuan utama penilaian Laporan SIA adalah:

i. Memastikan impak sosial dikenalpasti secara menyeluruh dan langkah- langkah mitigasi adalah praktikal dan berkesan
ii. Memastikan kandungan Laporan SIA menepati proses SIA
iii. Memastikan Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) yang disediakan adalah berkesan dan berdaya laksana

## 10.1 Prosedur Pengemukaan Laporan SIA

Permohonan untuk pertimbangan kelulusan Laporan SIA perlu dikemukakan kepada Unit Urusetia SIA, DBKL selaras dengan syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (JKPS) dan senarai semak permohonan. Secara umumnya, kelulusan penilaian SIA perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum Kebenaran Perancangan (Perintah Pembangunan) diberikan.

Oleh yang demikian, terdapat dua kaedah pengemukaan Laporan SIA kepada Urusetia Pusat Setempat, DBKL seperti Jadual 3 dan Rajah 1 hingga 2. Kaedah ini memberikan pilihan kepada pemaju sama ada melaksanakan kajian SIA dan mendapatkan kelulusan Laporan SIA sebelum permohonan pembangunan dikemukakan ke OSC DBKL atau sebaliknya.

**Jadual 3:** Pilihan Kaedah Pengemukaan Laporan SIA ke DBKL

| PERKARA | KAEDAH 1 | KAEDAH 2 |
|---|---|---|
| Pilihan | Pemaju mendapatkan kelulusan Laporan SIA dari Mesyuarat Panel Penilai SIA DBKL terlebih dahulu **sebelum mengemukakan permohonan ke OSC, DBKL.** | Pemaju mendapatkan kelulusan Laporan SIA dari Mesyuarat Panel Penilai SIA DBKL **selepas permohonan cadangan pembangunan dikemukakan ke OSC, DBKL.** |
| Klasifikasi pembangunan yang dibenarkan | **a.** **Semua klasifikasi** pembangunan Kategori A<br>**b.** **klasifikasi** pembangunan Kategori B:<br>• Utiliti<br>• Penginapan Pekerja Berpusat *(Centralized Labour Quarters:* CLQ)<br>• Loji Pembancuh Konkrit *(Batching Plant)*<br>c. Pembangunan yang **selaras dengan intensiti dan kepadatan Pelan Tempatan Kuala Lumpur** | **a.** **Semua klasifikasi** pembangunan Kategori A dan B<br>b. Pembangunan yang **melibatkan pertambahan intensiti dan kepadatan penduduk** termasuklah sekiranya pertambahan intensiti yang disebabkan insentif. |
| Penyediaan dan kelulusan Laporan SIA oleh Mesyuarat Panel Penilaian SIA DBKL | **Dilaksanakan sebelum** permohonan dikemukakan ke OSC DBKL.<br>• Laporan SIA disediakan dan dikemukakan kepada Unit Urusetia SIA untuk penilaian dan kelulusan terlebih dahulu | **Dilaksanakan selepas** permohonan dikemukakan ke OSC DBKL<br>• Laporan SIA disediakan dan dikemukakan kepada Unit Urusetia SIA untuk penilaian dan kelulusan **setelah menerima keputusan JKPS** untuk penyediaan Laporan SIA |
| Pengemukaan permohonan cadangan pembangunan ke OSC DBKL | Pemaju mengemukakan permohonan pembangunan **berserta Laporan SIA yang telah diluluskan** kepada OSC, DBKL mengikut senarai semak. | Pemaju mengemukakan permohonan cadangan pembangunan **tanpa Laporan SIA** kepada OSC, DBKL mengikut senarai semak. |
| Pertimbangan JKPS | Mesyuarat JKPS akan mempertimbangkan permohonan pembangunan berserta Laporan SIA yang telah disediakan. | Mesyuarat JKPS akan mensyaratkan keperluan penyediaan Laporan SIA berdasarkan keputusan dasar sebelum Perintah Pembangunan diberikan. |
| Tempoh penilaian Laporan SIA | **30 hari bekerja**<br>(Tempoh dari kemuka permohonan penilaian Laporan SIA kepada Unit Urusetia SIA sehingga pengeluaran keputusan) | **30 hari bekerja**<br>(Tempoh dari kemuka permohonan penilaian Laporan SIA kepada Unit Urusetia SIA sehingga pengeluaran keputusan) |
| Pertimbangan JKPS | Mesyuarat JKPS akan mempertimbangkan permohonan pembangunan berserta Laporan SIA yang telah disediakan. | Mesyuarat JKPS akan mensyaratkan keperluan penyediaan Laporan SIA berdasarkan keputusan dasar sebelum Perintah Pembangunan diberikan. |

**Rajah 1:**

Carta Alir Prosedur dan Tatacara Pengemukaan Permohonan dan Penilaian Laporan SIA WPKL Bagi Kaedah 1



**Rajah 2:**

Carta Alir Prosedur dan Tatacara Pengemukaan Permohonan dan Penilaian Laporan SIA WPKL Bagi Kaedah 2



## 10.2 Pengemukaan Laporan SIA

Laporan SIA bagi WPKL diproses oleh DBKL dan maklumat pengemukaan Laporan SIA adalah sebagaimana Jadual 4.

**Jadual 4:** Penilaian Laporan SIA bagi WPKL

| KOMPONEN | KATEGORI A DAN B WPKL |
|---|---|
| Agensi Yang Melaksanakan Penilaian | DBKL |
| Pengemukaan Laporan oleh Penggerak Projek/ Perunding SIA | a. 15 salinan laporan dalam bentuk *hardcopy*<br>b. Pautan kepada laporan dalam bentuk *softcopy* perlu disediakan oleh penggerak projek/ perunding SIA.<br>c. Pautan laporan dalam bentuk *softcopy* akan dikongsikan kepada agensi-agensi yang berkaitan oleh pihak urus setia. |
| Tempoh Penilaian SIA (Piagam Pelanggan) | 30 hari<br>(dari tarikh kemuka Laporan SIA kepada Unit SIA sehingga pengeluaran keputusan) |
| Pengerusi Mesyuarat Panel Penilai SIA | Pengarah Eksekutif (Perancangan) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur |
| Pemantauan | DBKL dan Jabatan/Agensi Terlibat |

## 10.3 Penilaian Laporan SIA

Secara umumnya, proses penilaian Laporan SIA adalah berpandukan kepada PPSIA 2023. Perunding perlu memastikan Laporan SIA yang ingin dikemukakan kepada urusetia adalah teratur berasaskan format laporan seperti mana **Lampiran 1** dan melengkapkan senarai semak laporan SIA sebagaimana **Lampiran 2.** Perunding juga perlu melengkapkan senarai maklumat asas projek pembangunan seperti **Lampiran 3.**

### 10.3.1 Semakan Urusetia SIA

Urusetia SIA akan membuat semakan pematuhan sama ada Laporan SIA yang disediakan memenuhi senarai semak atau tidak sebelum didaftar terima dan diserahkan kepada Panel Penilai. Laporan yang lengkap dan memenuhi senarai semak akan diedarkan kepada Panel Penilai mengikut jumlah salinan yang ditetapkan. Laporan SIA juga akan diedarkan kepada Ahli Mesyuarat dalam bentuk digital untuk semakan dan ulasan. Sekiranya laporan yang dikemukakan tidak lengkap dan tidak memenuhi senarai semak, penggerak projek atau perunding SIA perlu membuat pindaan dan perlu dikemukakan semula.

#### 10.3.2 Mesyuarat Panel Penilaian SIA

Bagi menilai Laporan SIA, **Panel Penilai Laporan SIA di peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif (Perancangan) DBKL, dan terdiri daripada jabatan dalaman DBKL, ahli pakar SIA yang dilantik terdiri daripada *Malaysian Institute of Planner* (MIP) dan *Malaysian Association of Social Impact Assessmen*t (MSIA) serta ahli pakar akademik berkaitan teknik dan metodologi. **(Jadual 5).**

**Jadual 5:** Keanggotaan Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

| JAWATANKUASA PANEL PENILAI LAPORAN SIA WPKL | |
|---|---|
| **Pengerusi (DBKL)** | **Pengarah Eksekutif (Perancangan)/ Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi)** |
| **Ahli Tetap (Jabatan Dalaman DBKL)** | • Jabatan Perancangan Bandaraya<br>• Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan<br>• Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar<br>• Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar,<br>• Jabatan Perancangan Infrastruktur<br>• Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran<br>• Jabatan Pengangkutan Bandar<br>• Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan |
| **Ahli Pakar SIA*** | • **Wakil MIP**<br>• **Wakil MSIA**<br>• **Wakil dari bidang akademik atau individu yang ditentukan mengikut keperluan bidang berkaitan** |
| **Ahli Turut Hadir** | • Kementerian/ Agensi berkaitan<br>• PLANMalaysia<br>• Pakar industri (mengikut keperluan)<br>• Ahli Parlimen (mengikut keperluan / kawasan terkesan) |
| **Urusetia: Unit Urusetia SIA, JPRB** | |

Nota:
* Ahli Pakar yang telah didaftarkan sebagai Penilai dan Penyedia Berdaftar Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Bagi Projek Pembangunan dengan PLANMalaysia.

Penggerak projek dikehendaki mengemukakan bayaran honorarium kepada Ahli Pakar SIA. Mesyuarat akan terbatal sekiranya penggerak projek dan perunding SIA gagal menghadirkan diri. Pengerusi Mesyuarat juga boleh menjemput pakar-pakar industri serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) sekiranya perlu untuk hadir mesyuarat.

Semakan dan penilaian Panel Penilai perlu memberi tumpuan kepada perkara berikut:

i. Mengesahkan proses penyediaan Laporan SIA berpandukan Garispanduan Penilaian Impak Sosial WPKL dan PPSIA;
ii. Kajian yang dibuat menggunakan metodologi yang bersesuaian;
iii. Penilaian yang dibuat oleh perunding SIA ke atas persekitaran sosial semasa yang dijangka akan menerima impak daripada pembangunan;

iii. Input dari kumpulan terjejas dan pihak berkepentingan yang dilibatkan melalui proses rundingan telah diselaraskan;
iv. Pandangan dan daripada komuniti setempat mengenai pembangunan telah diambil kira;
v. Impak-impak pembangunan yang telah dijangka berdasarkan pendapat awam dan profesional telah dimasukkan sebagai panduan langkah mitigasi; dan
vi. Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) yang bersesuaian dan berkesan bagi mengurus dan meminimumkan impak negatif serta memaksimumkan impak positif. Ahli Pakar perlu mengemukakan ulasan kepada Urus setia SIA untuk rujukan di Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA.

Tumpuan utama mesyuarat panel Penilai Laporan SIA peringkat WPKL serta ulasan ahli mesyuarat hendaklah berkaitan aspek sosial sahaja

### 10.3.3 Kelulusan Laporan SIA

Keputusan mesyuarat kelulusan Laporan SIA terdiri daripada tiga kategori kelulusan seperti berikut:

**a. Laporan Diterima**

<u>Keputusan:</u>
i. Laporan SIA memenuhi keperluan Garis Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial WPKL
ii. Ahli mesyuarat bersetuju dengan kajian yang dilaksanakan

Penerangan:
Laporan diterima tanpa pindaan.

**b. Laporan Diterima Dengan Pindaan**

<u>Keputusan:</u>
i. Laporan SIA memenuhi keperluan Garis Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial WPKL
ii. Ahli mesyuarat bersetuju dengan hasil kajian dan cadangan tindakan penambahbaikan.

Penerangan:
- Laporan yang telah dipinda perlu dikemukakan kepada urusetia SIA, DBKL untuk semakan pematuhan pindaan.
- Tidak perlu pembentangan semula kecuali ada keperluan dari Mesyuarat Panel Penilaian
- Surat kelulusan rasmi akan dikeluarkan oleh DBKL setelah Pengerusi dan Panel Penilai bersetuju dengan laporan yang telah disediakan oleh perunding SIA.

**c. Laporan Tidak Diterima**

<u>Keputusan:</u>
i. Laporan SIA tidak memenuhi keperluan Garis Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial WPKL
ii. Ahli mesyuarat tidak bersetuju dengan hasil kajian.

Penerangan:
Penggerak projek perlu mengemukakan Laporan SIA baharu untuk dipertimbangkan semula di Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA.

### 10.3.4 Tempoh Sah Kelulusan Laporan SIA

Kelulusan terhadap Laporan SIA diberi selama dua tahun. Permohonan bagi lanjutan atau memperbaharui kelulusan SIA boleh dibuat oleh penggerak projek sekiranya sebarang aktiviti pembinaan masih belum dimulakan dalam tempoh kelulusan SIA. Pelanjutan kelulusan Laporan SIA selama satu tahun boleh dipertimbangkan oleh DBKL tertakluk kepada:

i. Kelulusan lanjutan tempoh kebenaran perancangan
ii. Tiada perubahan ketara dari segi demografi atau spatial di sekitar tapak projek
iii. Penggerak projek perlu memastikan tiada impak sosial baharu yang signifikan kepada komuniti setempat dalam tempoh kelulusan diberikan sehingga ia luput.

Tempoh kelulusan akhir Laporan SIA adalah berdasarkan tempoh rangkakerja pemantauan sebagaimana yang dinyatakan di dalam SIMP.

### 10.3.5 Tempoh Sah Pemantauan Laporan SIA

Tempoh sah bagi pemantauan Laporan SIA adalah merujuk kepada tempoh akhir pemantauan seperti yang digariskan dalam Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP).





## 10.4 PROSES SIA

SIA merupakan satu proses dalam kitaran sesuatu projek di mana ia dijalankan bermula dari peringkat perancangan sehingga ke peringkat pelaksanaan projek. Umumnya, proses pelaksanaan SIA melibatkan 3 peringkat iaitu Peringkat Penyediaan Laporan SIA, Pemantauan dan Audit. Proses kajian dan penyediaan Laporan SIA termasuk format laporan hendaklah berpandukan Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (PPSIA), PLANMalaysia, 2023. Dalam proses SIA ini akan melibatkan penghasilan 3 laporan oleh penggerak projek iaitu:

i. Laporan SIA;
ii. Laporan Pemantauan; dan
iii. Laporan Audit

**Rajah 4** menunjukkan turutan proses SIA yang akan dilaksanakan oleh penggerak projek mengikut peringkat pelaksanaan projek.

### 10.4.1 Saringan

Saringan *(screening)* merupakan langkah terawal di dalam proses SIA. Sesuatu cadangan projek perlu melakukan saringan awal supaya selari dengan peruntukan perundangan dan penyelarasan terhadap dasar semasa dan Pelan Pembangunan Kuala Lumpur. Terdapat dua peringkat saringan perlu dilaksanakan oleh Penggerak Projek atau Perunding SIA iaitu saringan terhadap pematuhan kepada peruntukan undang dan saringan terhadap pematuhan kepada dasar dan pelan semasa.



**Rajah 3: Proses SIA**

PENGLIBATAN AWAM & PIHAK BERKEPENTINGAN

| PROSES SIA | AKTIVITI | OUTPUT |
|---|---|---|
| SARINGAN | • Saringan terhadap peruntukan perundangan yang berkuatkuasa<br>• Saringan terhadap dasar dan pelan di peringkat nasional, negeri dan tempatan | LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) |
| PEMBIDANGAN | • Mengenalpasti isu dan impak yang ketara yang dijangka<br>• Menentukan jarak Zon Pengaruh (*Zone of Influence* -ZOI)<br>• Mengenalpasti pihak penerima impak dan pihak berkepentingan | |
| PENGUMPULAN DATA DAN ANALISIS | • Pengumpulan data dari segi data asas penilaian impak, sumber data, pendekatan pengumpulan data dan penganalisaan data | |
| JANGKAAN DAN PENILAIAN IMPAK | • Menilai impak secara terperinci<br>• Mengukur tahap keketaraan impak | |
| PERHALUSI OPSYEN DAN REKABENTUK PROJEK | • Memperhalusi opsyen projek setelah penilaian impak dijalankan<br>• Mengoptimumkan rekabentuk projek agar kesan sosial dapat diminimumkan | |
| LANGKAH MITIGASI | • Mengenalpasti langkah-langkah mitigasi yang bersesuaian dan praktikal bagi impak negatif<br>• Mengenalpasti langkah penambahbaikan terhadap impak positif yang bersesuaian | |
| PELAN PENGURUSAN IMPAK SOSIAL | • Membentuk rangka kerja pemantauan terhadap langkah-langkah mitigasi yang mengandungi:<br>- Langkah mitigasi dan penambahbaikan<br>- Petunjuk prestasi utama yang realistik dan boleh diukur<br>- Mekanisme pemantauan<br>- Kekerapan dan tempoh pemantauan | |
| PEMANTAUAN | • Memantau pelaksanaan pematuhan SIMP dan keberkesanan langkah-langkah mitigasi yang dijalankan<br>• Melaporkan hasil pemantauan | LAPORAN PEMANTAUAN |
| AUDIT | • Audit terhadap pematuhan syarat-syarat kelulusan SIA | LAPORAN AUDIT |

### 10.4.2 Pembidangan

Pembidangan merujuk kepada proses mengenal pasti isu yang ketara dan memerlukan penilaian yang menyeluruh dalam proses SIA. Pengenalpastian isu seterusnya membantu dalam menentukan jangkauan spatial bagi Zon Pengaruh (*Zone of Influence* - ZOI) meliputi kawasan yang dijangka terkesan hasil daripada pelaksanaan projek sama ada dari sudut positif atau negatif. Ini seterusnya memberi panduan kepada perunding SIA dalam menentukan metodologi dan kaedah kajian yang bersesuaian untuk dijalankan bagi memenuhi objektif dan keperluan penyediaan Laporan SIA. 3 langkah pembidangan meliputi berikut:

i. Mengenalpasti isu/ impak
ii. Menentukan Zon Pengaruh (ZOI) – sekurang-kurangnya **500 meter radius bagi Zon Primer dan yang bersesuaian bagi Zon Sekunder**
iii. Mengenalpasti pihak berkepentingan – kumpulan yang terjejas, kumpulan yang berminat dan agensi Kerajaan yang mempunyai bidang kuasa terhadap pelaksanaan projek tersebut

Zon Pengaruh (ZOI) merupakan suatu kawasan lingkungan dari sempadan tapak yang mana terdapatnya pihak berkepentingan atau penerima impak dalam kawasan fizikal tersebut yang berkemungkinan mengalami perubahan kualiti sosial sama ada akan mengalami kesan-kesan negatif dan/ atau menerima kesan-kesan positif hasil daripada kelulusan dan pelaksanaan projek tersebut. Dalam menentukan ZOI ini, kawasan kediaman dan elemen *residing* (antaranya pangsapuri servis, kuarters dan perhotelan) perlu diberikan keutamaan disebabkan tempoh masa penerimaan kesan yang panjang dan berterusan. Impak ke atas kemudahan awam termasuklah sekolah dan institusi juga diberi penekanan memandangkan aktiviti yang dijalankan boleh terganggu oleh pelaksanaan projek tersebut. ZOI ini akan membantu mengenalpasti pihak-pihak berkepentingan yang perlu dijalankan sesi penglibatan awam di sepanjang tempoh pelaksanaan projek.

### 10.4.3 Pengumpulan Data dan Analisis

Pengumpulan data dari segi data asas penilaian impak, sumber dan pendekatan pengumpulan data perlu diperincikan di dalam Laporan SIA. Data terkumpul akan dianalisis untuk mengenal pasti dan menjangka impak yang akan timbul, serta perubahan sosial yang akan berlaku daripada pelaksanaan projek. Data terkumpul dan hasil analisis seterusnya akan digunakan sebagai panduan kepada perunding SIA untuk merangka langkah mitigasi dan penambahbaikan, serta langkah pengurusan impak sosial di peringkat proses seterusnya.

Berpandukan aspek sosial yang telah dikenal pasti, data asas dalam bentuk kualitatif dan kuantitatif akan dikumpul menerusi metodologi dan kaedah kajian yang bersesuaian. Keperluan sesuatu data perlu diberi pertimbangan sewajarnya sama ada ia benar-benar membantu terhadap analisis impak sosial. Maklumat yang tepat berkenaan ciri-ciri penduduk dan sosio-ekonomi kawasan yang dikaji adalah penting untuk menentukan jenis impak yang mungkin dialami serta keterukan impak tersebut kepada komuniti. **Jadual 6** menunjukkan data utama dalam proses SIA yang boleh diperolehi melalui beberapa kaedah antaranya data banci daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, kajian soal selidik dan perundingan, Pelan Pembangunan Kuala Lumpur, agensi berkaitan dan sebagainya.

**Jadual 6:** Data Asas dalam Proses SIA

| KATEGORI | JENIS DATA | KETERANGAN |
|---|---|---|
| Profil Komuniti (Demografi) | • Bilangan populasi dan isi rumah<br>• Pendapatan isi rumah<br>• Populasi mengikut umur<br>• Status dan jenis pekerjaan<br>• Golongan rentan<br>• dsb. | • Data-data tersebut membantu dalam membentuk profil penduduk atau komuniti sesuatu kawasan dan hubung kait bagaimana sesuatu impak itu memberi kesan yang berbeza bergantung kepada taraf sosio-ekonomi sesebuah komuniti. |
| Sosio Ekonomi | • Jenis aktiviti ekonomi<br>• Bilangan aktiviti ekonomi<br>• Sumber pendapatan dan jenis pekerjaan komuniti setempat<br>• dsb. | • Data-data tersebut membantu dalam analisis impak terhadap ekonomi setempat, daerah dan negeri terlibat.<br>• Ia juga membantu dalam analisis impak terhadap sumber pendapatan dan aktiviti ekonomi setempat. |
| Kawasan Sensitif Sosial | • Bilangan populasi dan keluarga<br>• Status tanah<br>• Suku kaum dan budaya<br>• Lokasi tanah perkuburan, keagamaan, kemudahan awam<br>• Lokasi kawasan jenayah, kawasan terbiar dsb. | • Data-data tersebut membantu dalam analisis impak terhadap penempatan, bangunan tradisi atau warisan serta kemudahan awam utama yang terkesan akibat pelaksanaan sesuatu projek. |
| Guna tanah | • Guna tanah semasa<br>• Zon dan intensiti guna tanah<br>• Pembangunan komited | • Data tersebut membantu analisis impak perubahan guna tanah kepada daya huni masyarakat setempat hasil pelaksanaan sesuatu projek; dan<br>• Data digunakan dalam menilai impak-impak projek terhadap pembangunan-pembangunan lain di kawasan sekitar tapak projek. |

Sumber: PPSIA, 2023

### 10.4.4 Jangkaan dan Penilaian Impak

Proses jangkaan dan penilaian impak meliputi proses mengenal pasti dan menilai impak sosial yang dijangka berlaku akibat daripada sesebuah projek pembangunan berdasarkan analisis data asas, kajian ilmiah, pengalaman daripada projek seumpama dan pandangan pakar perunding SIA. Perunding SIA juga harus mengambilkira elemen sosial yang bernilai kepada manusia serta hubung kait elemen tersebut dengan impak lain yang dikenal pasti. Terdapat tujuh elemen sosial yang bernilai dalam kehidupan manusia yang boleh dipertimbangkan oleh Penggerak projek atau perunding SIA dalam menjangka dan menilai impak sosial seperti **Rajah 5.**

**Rajah 4: Tujuh Elemen Sosial yang Bernilai Kepada Manusia**




Sumber: PPSIA, 2023

Pemahaman terhadap parameter adalah penting dalam proses penilaian impak sebelum sesuatu impak dinilai. Antara parameter yang sering digunakan dalam proses penilaian impak dan pembuatan keputusan termasuk enam parameter penilaian impak dalam **Rajah 6.**

**Rajah 5: Parameter Penilaian Impak**




Sumber: PPSIA, 2023

### 10.4.5 Memperhalusi Opsyen dan Rekabentuk Projek

Proses memperhalusi opsyen dan reka bentuk projek perlu bermula di peringkat awal pembangunan projek dan diperhalusi sepanjang proses penilaian impak dilaksanakan. Penemuan analisis impak dijadikan asas dalam meminda atau memilih opsyen yang terbaik agar impak sosial negatif dapat diminimumkan dan impak positif dimaksimumkan. Penelitian semula opsyen atau reka bentuk projek hasil tindak balas kepada analisis impak ini mungkin akan berlaku berulang kali *(iterative)* sehingga rekabentuk projek yang optimum dicapai. Segala proses pengubahan opsyen atau reka bentuk tersebut perlu dijelaskan di dalam Laporan SIA.

### 10.4.6 Langkah-Langkah Mitigasi

Strategi dan langkah mitigasi yang dirangka perlu mengambil kira penglibatan komuniti, agensi berkaitan dan lain-lain pihak berkepentingan supaya ia dapat dirangka secara menyeluruh.

**Rajah 6: Kaedah Pelaksanaan Hirarki Mitigasi**




Sumber: PPSIA, 2023

Hirarki mitigasi seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 7** menunjukkan keutamaan langkah mitigasi yang perlu dipertimbangkan di dalam mengurus potensi impak sosial. Ketiga-tiga komponen hirarki mitigasi ini secara amnya boleh dikelaskan kepada dua kategori iaitu pencegahan *(preventive)* dan pemulihan *(remediative).*

Langkah mitigasi bagi mengurus sesuatu impak yang terkandung dalam Laporan SIA merupakan komitmen oleh penggerak projek. Oleh itu, penggerak projek perlu mengambil tanggungjawab untuk melaksanakan langkah-langkah mitigasi tersebut.

### 10.4.7 Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP)

Pelan Pengurusan Impak Sosial (*Social Impact Management Plan* - SIMP) **merupakan output terpenting di dalam proses SIA**. SIMP ialah sistem pengurusan yang menggariskan strategi yang perlu diambil sepanjang tempoh pelaksanaan cadangan projek iaitu fasa perancangan, pembinaan dan pengoperasian, bagi memantau, melapor, menilai, menyemak dan bertindak balas secara proaktif terhadap impak sosial yang disebabkan oleh projek pembangunan.

SIMP perlu dirangka dengan menyatakan peranan dan tanggungjawab penggerak projek, agensi teknikal berkaitan, serta komuniti sepanjang tempoh pelaksanaan projek. Pengurusan impak ini hendaklah disertakan dengan pernyataan komitmen yang jelas bagi tujuan pemantauan prestasi projek.

Strategi dan langkah mitigasi impak yang dibentuk haruslah boleh diukur dari segi tahap pelaksanaannya bagi tujuan pengurusan impak dan pemantauan. SIMP bersama langkah mitigasi yang digariskan dalam Laporan SIA diambilkira sebagai syarat dalam kebenaran perancangan. Oleh itu, SIMP yang disediakan untuk sesebuah projek pembangunan perlu mengandungi 6 komponen seperti di **Rajah 8.**

**Rajah 7: Komponen-Komponen SIMP**




Sumber: PPSIA, 2023

Penggerak projek bertanggungjawab dan komited dalam melaksanakan langkah-langkah mitigasi dan cadangan penambahbaikan yang dinyatakan dalam SIMP. Deklarasi penggerak projek seperti di **Lampiran 4** perlu disertakan di dalam Laporan SIA sebagai satu akur janji terhadap komitmen penggerak projek dalam melaksana dan memantau langkah-langkah mitigasi dan penambahbaikan. Langkah-langkah mitigasi yang terkandung di dalam laporan kajian impak yang lain seperti EIA, TIA dan sebagainya yang mempunyai kaitan dengan aspek sosial boleh diambilkira di dalam SIMP sekiranya bersesuaian.

### 10.4.8 Pemantauan

Setelah Laporan SIA disediakan dan diluluskan, peringkat seterusnya ialah melibatkan proses pemantauan yang bertujuan memastikan Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) yang telah diperakukan dalam kajian SIA dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab. Pemantauan terhadap Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) perlu dijalankan sepenuhnya oleh penggerak projek secara “self-monitoring” selepas Laporan SIA diluluskan.

Pelaporan terhadap pemantauan SIMP perlu menyertakan makumat pemantauan yang telah dijalankan oleh penggerak projek dan agensi yang terlibat. Laporan Pemantauan hendaklah dikemukakan kepada Unit SIA, DBKL (yang melibatkan jabatan dalaman DBKL) dan agensi/jabatan luaran DBKL terlibat **setiap empat bulan sekal**i setelah Laporan SIA diluluskan. Laporan pemantauan ini akan dibentangkan di dalam satu Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan SIMP (Jadual 7) di peringkat DBKL sebagai platform verifikasi dan penentuan jenis tindakan penguatkuasaan yang perlu dilaksanakan.

**Jadual 7:** Keanggotaan Mesyuarat Pemantauan SIMP Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

| JAWATANKUASA PEMANTAUAN SIMP WPKL | |
|---|---|
| **Pengerusi** | **Pengarah, Jabatan Perancangan Bandaraya** |
| **Ahli Tetap** | • Jabatan Perancangan Infrastruktur<br>• Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan, DBKL<br>• Jabatan Penguatkuasaan, DBKL<br>• Jabatan Dalaman, DBKL (mengikut isu/sektor/skop) |
| **Agensi Pelaksana** | • Kementerian/Agensi (Berkaitan) |
| **Urusetia: Unit Urusetia SIA, JPRB** | |

Oleh itu, penggerak projek perlu melatih individu yang bertanggungjawab dalam menyediakan laporan pemantauan dan memantau pelaksanaan SIMP ini.

**i. Tujuan pelaporan pemantauan adalah:**

a. Melaporkan tahap pelaksanaan dan pematuhan SIMP
b. Menilai tahap keberkesanan langkah-langkah mitigasi yang telah dilaksanakan
c. Melaporkan sebarang isu sosial berbangkit dan tidak dikenalpasti di dalam laporan SIA dan merangka pelan tindakan yang berkesan

**ii. Kandungan Laporan Pemantauan perlu menggariskan perkara berikut:**

**a. Pengenalan**

Memberi penerangan ringkas latar belakang projek termasuk nama projek, lokasi dan keluasan tapak serta maklumat asas tentang penggerak projek

**b. Kemajuan Projek**

Menerangkan tentang kemajuan semasa projek pembangunan setakat Laporan Pemantauan tersebut disediakan sama ada di dalam fasa perancangan, pembinaan atau pengoperasian.

**c. Pematuhan SIMP**

Memperincikan tentang pelaksanaan dan pematuhan langkah mitigasi yang telah dinyatakan di dalam Laporan SIA untuk projek tersebut. Penilaian tahap keberkesanan langkah-langkah mitigasi yang telah dilaksana perlu dikemukakan.

**d. Isu-Isu Berbangkit**

Menerangkan tentang isu sosial atau rungutan yang berbangkit dan langkah penyelesaian kepada perkara tersebut. Sekiranya terdapat isu sosial yang tidak dikenal pasti di dalam Laporan SIA, perkara ini perlu dilaporkan di dalam Laporan Pemantauan dan disertakan dengan pelan tindakan yang sewajarnya.

**e. Kesimpulan**

Merumuskan keseluruhan Laporan Pemantauan termasuk penambahbaikan (jika ada) yang boleh diadaptasi sepanjang tempoh pelaksanaan projek.

### iii. Penguatkuasaan oleh DBKL dan Agensi Terlibat

DBKL dan agensi terlibat akan menerima Laporan Pemantauan berkala yang dikemukakan oleh penggerak projek dan boleh mengambil tindakan penguatkuasaan mengikut peruntukan perundangan dan kuasa sedia ada yang diberikan kepada DBKL dan agensi berpandukan kepada rangka kerja pemantauan SIMP. Penguatkuasaan bertujuan untuk memastikan penggerak projek memberikan komitmen untuk melaksanakan langkah mitigasi seperti yang digariskan dalam SIMP.

### 10.4.9 Audit

Audit penting untuk menilai pematuhan keseluruhan projek dan memastikan langkah-langkah mitigasi adalah berkesan dalam mengatasi atau meminimumkan impak sosial kepada masyarakat sekitar. **Audit tidak diwajibkan, namun ianya boleh dilaksanakan secara sukarela oleh penggerak projek selepas kerja-kerja pembangunan projek** bermula dan diteruskan sepanjang tempoh hayat projek. Proses audit boleh dilaksanakan menerusi pengaudit bebas yang dilantik khas oleh penggerak projek.

## 10.5 SIA dan Penglibatan Awam

Penglibatan pihak berkepentingan merupakan elemen utama dalam proses SIA. Penglibatan awam yang dirangka dengan baik dan dijalankan secara berterusan berupaya mempengaruhi tahap penerimaan komuniti/ masyarakat terhadap pembangunan yang akan dilaksanakan. Pihak DBKL juga dapat membuat keputusan yang tepat dalam menentukan halatuju sesuatu projek setelah mengambilkira pandangan semua pihak. Elemen inklusiviti yang diterapkan dalam proses SIA ini merupakan amalan terbaik perancangan bandar melalui pemerkasaan komuniti dalam perancangan sesuatu pembangunan.

Penglibatan awam memberi faedah kepada pihak yang terlibat dalam sesuatu pembangunan sama ada penggerak projek/ pemaju, orang awam mahupun DBKL serta jabatan/agensi yang berkaitan.

### i. Faedah kepada Orang Awam

a. Masyarakat/ komuniti berpeluang mengemukakan keperluan pembangunan sosial masyarakat setempat.
b. Masyarakat/ komuniti berpeluang meningkatkan kualiti hidup melalui manfaat ekonomi seperti peluang pekerjaan, perniagaan, perkhidmatan dan lain-lain faedah yang dikenal pasti melalui SIA
c. Masyarakat/ komuniti jelas dan peka tentang hasil pelaksanaan sesuatu tindakan atau aktiviti
d. Melindungi sumber budaya, warisan dan sejarah demi kepentingan masyarakat.

**ii. Faedah kepada Penggerak Projek**

a. Membantu pemaju dan pelabur memahami keperluan, nilai dan budaya penduduk setempat. Ini akan memastikan supaya pembangunan yang dirancang tidak bercanggah dengan nilai dan norma tempatan.
b. Kesan positif yang telah dikenal pasti dapat membina kepercayaan dan sokongan dari masyarakat. Contohnya membina atau menambahbaik fasiliti dan kemudahan yang lengkap dari aspek fizikal dan sosial.
c. Membantu pemaju dan pelabur menyediakan rekabentuk dan komponen pembangunan yang juga dapat memenuhi kehendak penduduk setempat dan pihak berkepentingan.

**iii. Faedah kepada DBKL dan Agensi**

a. Memperkukuhkan peranan dan kerjasama serta mengurangkan pertindihan peranan antara agensi yang terlibat dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program pembangunan.
b. Membantu DBKL membuat pertimbangan yang wajar dan baik semasa mempertimbangkan kelulusan pembangunan.
c. Mendapatkan sokongan dan komitmen daripada masyarakat terhadap perancangan dan pelaksanaan sesuatu projek pembangunan
d. Sebagai sumber maklumat utama untuk membantu pihak DBKL menetapkan keutamaan isu yang perlu diselesaikan
e. Komitmen berterusan untuk mencapai *Sustainable Development Goals (SDGs)*

## 11.0 PENUTUP

SIA merupakan salah satu elemen utama dalam perancangan projek dan penilaian dasar di mana pertimbangan sosial haruslah dinilai sama penting dengan kriteria ekonomi dan alam sekitar semasa proses penilaian dan membuat keputusan ke arah mewujudkan masyarakat yang sejahtera. Di peringkat pertimbangan kelulusan pembangunan, SIA merupakan suatu mekanisme dalam membuat keputusan yang berkesan bagi memastikan isu-isu sosial ditangani dan kesan yang dijangka berlaku akibat pembangunan tersebut dapat dikurangkan. Penyediaan Laporan SIA membantu DBKL dan agensi berkaitan membuat keputusan dengan lebih tepat dengan mengambilkira aspek sosial serta pengurusan impak yang perlu dilaksanakan sebelum kelulusan pembangunan diberikan. Laporan SIA ini juga membantu penggerak projek membuat pembangunan yang lebih baik dengan mengambilkira maklum balas pemegang taruh (stakeholders) dari segi lokasi, susun atur dan reka bentuk yang seterusnya dapat melancarkan pelaksanaan projek dengan kerjasama komuniti setempat.

# TAFSIRAN TERMA

| Istilah | Tafsiran |
|---|---|
| Berdaya Huni | Bandar berdaya huni bagi bermaksud kawasan terbina yang boleh memberikan pekerjaan, rumah kediaman, kemudahan, ketersampaian kepada pelbagai prasarana, kemudahan fizikal dan sosial, selamat, lincah, mengujakan (exciting), dan sihat dengan keheningan, ketenangan dan kehijauan alam sekitarnya. Setiap warga dan keluarganya boleh mendapatkan keselesaan dan ketenangan hidup. |
| *Centralised Labour Quarters* | Kemudahan tempat tinggal pekerja secara berpusat atau berkelompok (pekerja asing dan tempatan) di sesuatu kawasan atau bangunan khas yang dilengkapi pelbagai kemudahan dan kelengkapan untuk keselesaan penghuni. |
| Data Primer | Data primer adalah data masa sebenar (real-time data) yang dikumpul secara langsung dari sesi penglibatan awam termasuk kajian soal selidik dan temu bual. |
| Data Sekunder | Data sekunder adalah data yang telah pada masa lalu (past data) untuk tujuan tertentu dan direkodkan dalam bentuk laporan, jurnal atau data statistik. |
| Impak Sosial Ketara | Impak sosial ketara adalah impak sosial yang dikenal pasti mempunyai kesan nyata, boleh dijangka dan berlaku secara langsung (direct impact). |
| Inklusif | Inklusif bermaksud meliputi kesemua golongan dan lapisan masyarakat di kalangan warga negara, sama ada dari segi jantina, etnik, status sosio ekonomi, umur, pendidikan, agama, dan ruang. |
| Kawasan Sensitif Sosial | Kawasan yang boleh mencetuskan sensitiviti dan mendatangkan konflik kepada sesebuah masyarakat yang tinggal atau mempunyai kepentingan terhadap kawasan tersebut sekiranya sesuatu projek pembangunan ingin dilaksanakan. |
| Majlis Perancang Fizikal Negara | Majlis tertinggi yang bertanggungjawab ke atas perancangan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia. MPFN berperanan dalam menyelaras semua dasar dan aktiviti berkaitan perancangan bandar dan desa bagi memastikan penggunaan sumber dan pembangunan yang lebih seimbang dan mampan di peringkat negeri dan negara. |
| Mitigasi | Tindakan yang dilakukan bagi mengatasi/mengurangkan implikasi terhadap perubahan sosial yang berlaku ke atas kehidupan masyarakat setempat akibat daripada projek pembangunan. |
| Pihak Berkepentingan | Individu, kumpulan atau organisasi yang mempunyai kepentingan terhadap projek pembangunan atau mereka yang terkesan dari sudut positif dan/atau negatif. |
| Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) | Pelan pengurusan yang menggariskan strategi yang perlu diambil sepanjang tempoh pelaksanaan projek iaitu fasa perancangan, pembinaan dan pengoperasian, bagi memantau, melapor, menilai, menyemak dan bertindak balas secara proaktif terhadap impak sosial yang disebabkan oleh projek pembangunan. |
| Pembangunan Mampan | Pembangunan yang membolehkan generasi semasa memenuhi keperluannya tanpa mengkompromikan kemampuan generasi akan datang bagi memenuhi keperluan mereka. |
| Penggerak Projek | Individu atau organisasi yang mempunyai kawalan dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan projek setelah mendapat kelulusan daripada pihak DBKL. |
| *Zone of Influence* | Sesuatu ruang lingkungan kawasan fizikal dalam sempadan tapak bagi sesuatu projek, di mana terdapatnya pihak berkepentingan atau penerima impak dalam kawasan fizikal tersebut yang berkemungkinan mengalami perubahan kualiti sosial, iaitu sama ada akan mengalami kesan negatif dan/atau menerima kesan positif hasil daripada pelaksanaan projek tersebut. |

# SINGKATAN KATA

| Singkatan | Kata |
|---|---|
| Akta 267 | Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan, 1982 |
| A1522 | Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2017 |
| CLQ | *Centralized Labour Quarters* |
| DBKL | Dewan Bandaraya Kuala Lumpur |
| KPKT | Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan |
| LCP | Laporan Cadangan Pemajuan |
| MIP | Malaysian Institute of Planners |
| MSIA | *Malaysian Association of Social Impact Assessment* |
| MPFN | Majlis Perancangan Fizikal Negara |
| NGO | *Non Govermental Organisation* |
| NUA | *New Urban Agenda* |
| OSC | *One-Stop Centre (Urusetia Pusat Setempat, DBKL)* |
| PPSIA2023 | Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan |
| PSKL2040 | Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 |
| SDG | *Sustainable Development Goals* |
| SIA | *Social Impact Assessment* |
| SIMP | *Social Impact Management Plan* |
| WPKL | Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur |
| WTE | *Waste to Energy* |
| ZOI | Zone of Influence |

## PENGHARGAAN

Garis Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (SIA) Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandaraya, DBKL dengan usahasama dan input dari pelbagai kementerian, jabatan dalaman DBKL dan luaran, agensi termasuklah penglibatan bersama ahli parlimen WPKL, pihak *Malaysia Poductivity Corporation* (MPC), pertubuhan professional seperti *Malaysian Association of Social Impact Assessment* (MSIA) dan *Malaysia Institute of Planners* (MIP), pihak REHDA , pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dari universiti awam dan juga swasta serta wakil-wakil dari persatuan penduduk di Kuala Lumpur.

Sehubungan dengan itu, sukacita DBKL ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih atas kerjasama dan komitmen daripada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

## KEMENTERIAN/AGENSI/PBT

| | |
|---|---|
| Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) | Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLANMalaysia |
| Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia |
| Jabatan Perhutanan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Jabatan Pengairan Dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur |
| Jabatan Mineral Dan Geosains Selangor / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) |
| Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ | Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT) |
| PLANMalaysia, Selangor | |

## JABATAN DI DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

| | |
|---|---|
| Jabatan Undang-Undang Dan Pendakwaan | Jabatan Kesihatan Dan Alam Sekitar |
| Jabatan Kawalan Bangunan | Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta |
| Jabatan Perancangan Ekonomi Dan Pembangunan | Jabatan Kejuruteraan Awam Dan Saliran |
| Jabatan Pembangunan Komuniti Dan Kesejahteraan Bandar | Pejabat Cawangan |

# PERTUBUHAN PROFESSIONAL/ PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO) / PAKAR RUNDING

| | |
|---|---|
| Persatuan Seni Budaya Chan Deng Kl Dan Selangor | Parti Sosialis Malaysia |
| Persatuan Sahabat Rimba Bukit Dinding | Titular Roman Catholic Archbishop Of Kuala Lumpur |
| Persatuan Kebajikan Kelestarian Komuniti Kuala Lumpur (KLRA+SD)<br>(Mewakili 55 persatuan penduduk, 1 pertubuhan bukan kerajaan dan 1 institusi Pendidikan tinggi di Kuala Lumpur) | Persatuan Hokkien Kuala Lumpur Dan Selangor |
| Persatuan Tabib Tionghua Malaysia (MCMA) | Happy garden & continental park residents’ |
| The Hillpark Taskforce | PPBTCKL |
| Pertubuhan Reka Bentuk Bandar Malaysia | Persatuan Pembangunan Bangalow Taman Cheras Kl |
| Malaysian Institute of Planners (MIP) | Real Estate Housing Developers’ Association (REHDA) Malaysia |
| Worldwide Fund (WWF) | IJF Planning PLT |
| Sa Planning Services | YZD Planning & Consult |
| Nilaimas Services - Environmental & Traffic Consultants | Majlis Perwakilan Penduduk (Parlimen Cheras) |
| Malaysian Association of Social Impact Assessment (MSIA) | Majlis Perwakilan Penduduk (Parlimen Bukit Bintang) |
| Malaysia Institute of Planner (MIP) | Malaysian Land Public Transport |
| Selamatkan Kuala Lumpur (Save KL) | Majlis Perwakilan Penduduk (Parlimen Wangsa Maju)<br>Transit Malaysia |
| Majlis Perwakilan Penduduk (Parlimen Lembah Pantai) | |

# PERSATUAN PENDUDUK

| | |
|---|---|
| Persatuan Country Heights Damansara Kl | Persatuan Penduduk Taratak Muhibah 1, Taman Desa, Kuala Lumpur |
| Persatuan Penjaja Pasar Batu 4 1/2 Jalan Klang Lama | Persatuan Penduduk Rumah Pangsa Kuchai Entrepreneurs Park Kuala Lumpur (Rupkep) |
| Persatuan Kebajikan Penduduk Perumahan Pantai Permai, Pantai Dalam | Taman Desa Residents Association |
| Miharja Fasa 1 | Persatuan Penduduk Taman Sri Endah, Bandar Baru Sri Petaling, Kuala Lumpur |
| Perkasih Persatuan Penduduk Seri Petaling | Persatuan Penduduk Taman Bukit Aman, Kuala Lumpur (Pptba) |
| Persatuan Penduduk Apartment Vista Angkasa (2011) | Persatuan Penduduk Danau Villa Kuala Lumpur |
| Persatuan Penduduk Apartmen Putra Ria, Jalan Bangsar, Kuala Lumpur (2019) | Persatuan Penduduk Pangsapuri Suci, Jalan Puchong, Kuala Lumpur |
| Persatuan Penduduk Blok 2,3,4,7 & 8 Taman Angkasa, Pantai Dalam, Kuala Lumpur | Persatuan Penduduk Apartmen Bukit Sri Bintang, Kepong, Kuala Lumpur |
| Persatuan Penduduk Blok 1, 5 Dan 6, Taman Bukit Angkasa, Kuala Lumpur | Persatuan Penduduk Kampung Segambut Bahagia, Kuala Lumpur |
| Persatuan Penduduk Taman Bangsar, Kuala Lumpur | Persatuan Penduduk Taman Sejahtera, Segambut Kuala Lumpur |
| Persatuan Penduduk Bangsar Baru (Bbra) | Persatuan Penduduk Kawasan Sungai Penchala, Kuala Lumpur |
| Persatuan Penduduk Bukit Bandaraya | Persatuan Penduduk Kg. Pasir Segambut. Kuala Lumpur |
| Persatuan Penduduk Blok 19 Taman Bukit Angkasa Pantai Dalam Kuala Lumpur | Persatuan Penduduk Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur |
| Persatuan Penduduk Apartment Abdullah | Persatuan Penduduk Kampung Kasipillay Kuala Lumpur |
| Hukum Kuala Lumpur (2017) | Persatuan Penduduk Seksyen 6 Wangsa Maju, Kuala Lumpur (Pps6 Wangsa Maju) |
| Persatuan Penduduk Sector 62, Bandar Menjalara, Kuala Lumpur (Residents' Association Of Section 62, Bandar Menjalara, Kuala Lumpur) | Persatuan Penduduk Puncak Setiawangsa, Kuala Lumpur |
| Persatuan Penduduk Prima Impian, Kuala Lumpur | Persatuan Penduduk Jalan Bukit Setiawangsa |
| Persatuan Penduduk Sri Hartamas Kuala Lumpur (Sri Hartamas Residents Association Kuala Lumpur) | Persatuan Penduduk Kelumpuk Kuang B Kuala Lumpur |
| Persatuan Penduduk Pangsapuri Kenanga Sari, Kuala Lumpur | Persatuan Penduduk Lembah Keramat, Kuala Lumpur (Pplk) |

| | |
|---|---|
| Persatuan Kebajikan Penduduk Blok A & B Apartment Jasmin Taman Setapak Jaya Baru, Setapak, Kuala Lumpur (Pkpaj) | Persatuan Penduduk Kelumpuk Bunga Raya (2016) |
| Persatuan Penduduk Menara Merak Kayangan Kuala Lumpur (2011) | Persatuan Penghuni Rumah Kediaman Pdrm Hulu Kelang Kuala Lumpur (2015) |
| Persatuan Penduduk Pangsapuri Kelumpuk Pinang, Keramat Wangsa, Kuala Lumpur | Persatuan Penduduk Kelumpuk Embun Emas |
| Persatuan Penduduk Menara Seri Jati, Keramat Wangsa, Kuala Lumpur (2010) | Persatuan Penduduk Rumah Kediaman |
| Persatuan Penduduk Kelumpuk Bambu Kuala Lumpur | Pdrm Kelumpuk Jerijit Hulu Kelang, Kuala Lumpur |
| Persatuan Penduduk Kelumpuk Kemunting Keramat Wangsa | Persatuan Penduduk Taman Maluri, Cheras, Kuala Lumpur |
| Persatuan Penduduk Pangsapuri Kelumpuk Kedidi | Persatuan Penduduk Anak Kg Pandan Luar |
| Persatuan Penduduk Kelumpuk Tempua, Au3, Keramat, Kuala Lumpur | Persatuan Penduduk Warga Kka Shahbandar |
| Persatuan Penduduk Kelumpuk Kuang C, Keramat Wangsa, Kuala Lumpur | Persatuan Penduduk Perumahan Sri Tioman 2 (2020) |
| PERSATUAN PENDUDUK MAHSURI APARTMENT SETIAWANGSA KUALA LUMPUR (Ppmas) | PERSATUAN PENDUDUK RUMAH PANGSA DBKL SRI LANGKAWI 2 |
| Persatuan Penduduk Dan Pemilik Menara Seri Cengal | Persatuan Penduduk Blok 02 Sri Langkawi 1, Dbkl (Pertiwi) |
| Persatuan Penduduk Kuarters Dbkl Jalan Sultan Yahya Petra (Jalan Semarak) Kuala Lumpur | Persatuan Penduduk Blok 04, Sri Langkawi 1, Gombak, Kuala Lumpur (2011) |
| Persatuan Penduduk Kelumpuk Kenari A Dan B Au3 Kuala Lumpur | Persatuan Penduduk Taman Setapak Indah, Fasa 7, Setapak, Kuala Lumpur |
| Persatuan Penduduk Taman Setapak Permai Kuala Lumpur (2011) | Persatuan Penduduk Kawasan 4a, Taman Melati, Setapak, Kuala Lumpur |
| Persatuan Penduduk Kampung Ayer Madu Kuala Lumpur (Pemekam) | Persatuan Kebajikan Penduduk Wangsa Melawati, Kuala Lumpur (Pkpwm) |
| Persatuan Penduduk Tiara Setiawangsa Kuala Lumpur | Persatuan Penduduk Taman Melati Kawasan 13 (Mastika), Kuala Lumpur |
| Persatuan Penduduk Wangsa Perkasa Kuala Lumpur | Persatuan Penduduk Perumahan Awam Seri Kelantan Kuala Lumpur (2013) |
| Persatuan Penduduk Pangsapuri Gombak Fasa 2 Kuala Lumpur | Persatuan Penduduk Ppr Seri Alam Fasa Ii, Kuala Lumpur |
| Persatuan Penduduk Blok 06 Sri Langkawi Satu | Persatuan Penduduk Perumahan Rakyat Ppr Sri Pantai, Jalan Pantai Dalam, Kuala Lumpur |

| | |
|---|---|
| Persatuan Komuniti Wangsa Murni (Pkwm) | Persatuan Penduduk Ppr Seri Cempaka Pantai Dalam Kuala Lumpur (2021) |
| Persatuan Penduduk Wangsa Ceria (Ppwc) | Persatuan Penduduk Perumahan Awam Dewan Bandaraya Flat Seri Pahang Bukit Bangsar Kuala Lumpur |
| Persatuan Penduduk Taman Sungai Besi | Persatuan Penduduk Perumahan Dbkl Setapak Jaya 1a (2020) |
| Persatuan Penduduk Pangsapuri Anggerik E2 Desa Pandan (Pppae2) | Persatuan Penduduk Blok A Ppr Hiliran Ampang |
| Persatuan Penduduk Ppr Sentul Murni (Kpkt) | Persatuan Penduduk Perumahan Awam Dbkl Sri Tioman 1, Taman Melati, Kuala Lumpur (2011) |
| Persatuan Penduduk Rumah Pangsa Dbkl Sri Kota, Bandar Tun Razak Cheras, Kuala Lumpur (1997) | Persatuan Penduduk Seksyen 1 Bandar Baru Wangsa Maju, Setapak Kuala Lumpur (2012) (R1) |
| Persatuan Penduduk Sri Johor 4a, Cheras, Kuala Lumpur | Persatuan Penduduk Ppr Pinggiran Bukit Jalil Kuala Lumpur |
| Persatuan Penduduk Flat Sri Melaka Kuala Lumpur (2017) | Persatuan Penduduk Ppr Pinggiran Bukit Jalil 2 |
| Persatuan Penduduk Ppr Laksamana (2016) | Persatuan Penduduk Sri Pangkor 1 |
| Persatuan Penduduk Perumahan Awam Seri Labuan, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur | Persatuan Sri Bukit Persekutuan |
| Persatuan Penduduk Taman Ikan Emas, Cheras Kuala Lumpur (2010) | Persatuan Penduduk Seri Petaling |
| Persatuan Penduduk Ppr Taman Mulia, Cheras, Kuala Lumpur (2012) | Persatuan Penduduk Ppr Taman Wahyu Ii, Batu 6 ½, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur |
| Persatuan Penduduk Perumahan Awam Seri Sabah 3a Kuala Lumpur (2012) | Persatuan Penduduk Projek Perumahan Rakyat Pekan Batu, Kuala Lumpur |
| Persatuan Penduduk Perumahan Awam Seri Sabah 3b, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (2011) | Persatuan Penduduk Perumahan Awam Dbkl Parcel S Sentul |

# LAMPIRAN 1

## FORMAT KANDUNGAN LAPORAN SIA



# ISI KANDUNGAN LAPORAN SIA

Isi kandungan Laporan SIA perlu mengikut aturan berikut:

Deklarasi Penggerak Projek

Deklarasi Perunding

Ringkasan Eksekutif dalam Dwi-bahasa

Bab 1 : Pengenalan

Bab 2 : Penyataan Keperluan Projek

Bab 3 : Maklumat Projek

Bab 4 : Pembidangan

Bab 5 : Sosio-ekonomi, Demografi dan Guna tanah

Bab 6 : Penglibatan Awam

Bab 7 : Potensi Impak Sosial dan Langkah-Langkah Mitigasi

Bab 8 : Pelan Pengurusan Impak Sosial

Bab 9 : Kesimpulan

Rujukan

Lampiran

## BAB 1 | PENGENALAN

Bab 1 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut :

- Nama projek serta penerangan ringkas berkaitan projek (lokasi, saiz);
- Maklumat asas tentang penggerak projek (Contoh: Nama orang yang boleh dihubungi, alamat, no. telefon dan alamat e-mel);
- Maklumat asas perunding (Nama syarikat, nama individu yang boleh dihubungi, alamat, no. telefon dan alamat e-mel); dan
- Nyatakan klasifikasi pembangunan bagi kategori SIA untuk projek ini.

## BAB 2 | KENYATAAN KEPERLUAN PROJEK *(STATEMENT OF NEED)*

Bab 2 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut :

- Pernyataan keperluan projek (*Statement of Need*);
- Nyatakan kenapa projek berkenaan adalah penting untuk masyarakat dan negara/negeri; dan
- Nyatakan dengan jelas bagaimana pelaksanaan projek adalah selari dengan dan mendokong dasar antarabangsa, negara, wilayah, negeri dan tempatan. Rujukan perlu dibuat dengan dasar-dasar utama seperti *Sustainable Development Goals,* Rancangan Fizikal Negara, dan Pelan Pembangunan Kuala Lumpur (Pelan Struktur dan Pelan Tempatan).

## BAB 3 | MAKLUMAT PROJEK

Bab 3 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut :

- Opsyen projek. Nyatakan dengan jelas bagaimana proses penilaian opsyen- opsyen projek dan pemilihan opsyen projek yang optimum dijalankan. Nyatakan juga kriteria-kriteria yang diambil kira dalam menentukan opsyen projek yang optimum. Contoh aspek yang diambil kira dalam perancangan projek adalah seperti aspek kejuruteraan dan reka bentuk, sosial, alam sekitar, geoteknikal, ekonomi dan trafik;
- Keterangan terperinci berkenaan projek yang dicadangkan termasuk asas perancangan, pelan susun atur, komponen projek, dsbnya;
- Penerangan tentang komponen-komponen projek dan aktiviti-aktiviti utama di sepanjang peringkat projek iaitu di peringkat pra-pembinaan, pembinaan dan operasi;
- Kaedah pembinaan. Nyatakan kaedah-kaedah pembinaan yang diguna pakai dalam projek; dan
- Garis masa pelaksanaan projek.

## BAB 4 | PEMBIDANGAN *(SCOPING)*

Bab 4 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut :

- Kenal pasti impak awalan. Nyatakan kaedah-kaedah yang telah diguna pakai dalam menentukan impak awalan. Jelaskan impak-impak awalan yang telah dikenal pasti dalam pelaksanaan projek pada peringkat-peringkat projek;
- Kenal pasti Zon Pengaruh. Jelaskan tentang asas yang diguna pakai dalam menentukan Zon Pengaruh. Sertakan rajah yang jelas bagi menunjukkan bentuk ZOI tersebut;
- Kenal pasti pihak-pihak berkepentingan. Jelaskan tentang pihak-pihak berkepentingan yang telah dikenal pasti; dan
- Kenal pasti kaedah penglibatan awam. Nyatakan kaedah-kaedah penglibatan awam yang diguna pakai bagi kajian SIA dan terangkan tentang teknik atau metodologi persampelan kaji selidik, teknik FGD dan temu bual sekiranya berkaitan.

## BAB 5 | SOSIO-EKONOMI, DEMOGRAFI DAN GUNA TANAH

Bab 5 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut :

- Huraian tentang lokaliti sosial di sekitar tapak projek. Perlu disertakan rajah yang jelas menunjukkan lokasi serta sempadan tapak projek dan kawasan-kawasan di sekeliling tapak projek;
- Maklumat berkaitan jumlah penduduk atau isi rumah, komposisi kaum, kumpulan umur, latar belakang pendidikan, jenis pekerjaan dan taraf ekonomi (miskin tegar, B40, M40 atau T20);
- Analisis guna tanah juga perlu diperjelaskan dengan maklumat seperti komposisi atau peratusan guna tanah sedia ada dan masa hadapan;
- Pembangunan komited di sekitar tapak projek. Sertakan gambar rajah yang jelas bagi menggambarkan guna tanah di dalam kawasan Zon Pengaruh; dan
- Kawasan sensitif sosial.

## BAB 6 | PENGLIBATAN AWAM

Bab 6 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut :

- Dapatan hasil analisis yang dijalankan terhadap data yang diperoleh daripada sesi-sesi penglibatan awam sama ada kaji selidik, FGD, temu bual atau bengkel; dan
- Rumusan dari sesi penglibatan awam yang menyatakan input-input utama serta kerisauan utama dari pihak berkepentingan.

## BAB 7 | POTENSI IMPAK SOSIAL DAN LANGKAH-LANGKAH MITIGASI

Bab 7 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut :

- Kaedah jangkaan impak yang diguna pakai;
- Penerangan mengenai potensi impak-impak sosial sewaktu di peringkat pra- pembinaan, pembinaan dan operasi. Impak-impak perlu dikaitkan kepada penerima impak dan lokasi secara spesifik;
- Penerangan berkenaan serta penilaian keketaraan impak; dan
- Langkah-langkah mitigasi yang praktikal dan relevan bagi setiap impak yang dikenal pasti perlu diperincikan.

## BAB 8 | PELAN PENGURUSAN IMPAK SOSIAL

Bab 8 perlu mengandungi maklumat seperti yang berikut :

- Organisasi pelaksanaan;
- Mekanisme pelaksanaan;
- Rangka kerja pemantauan;
- Sistem pengurusan rungutan;
- Pelan tindakan kecemasan; dan
- Rangka kerja pelaporan dan audit (jika ada).

## BAB 9 | PELAN PENGURUSAN IMPAK SOSIAL

Bab 9 harus merumuskan dan membuat kesimpulan yang padat berkenaan Penilaian Impak Sosial (SIA) yang telah dijalankan untuk cadangan projek pembangunan.

## LAMPIRAN

Lampiran boleh mengandungi maklumat atau rujukan yang menyokong/*complement* laporan utama atau mengandungi maklumat-maklumat teknikal. Antara lain, lampiran kepada Laporan SIA boleh terdiri dari :

- Borang soal selidik yang telah diguna pakai;
- Nota/minit mesyuarat dari sesi FGD atau bengkel atau forum awam; dan
- Surat-surat kelulusan/komen agensi.

# LAMPIRAN 2

## SENARAI SEMAK LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL



1. Senarai semak ini hendaklah digunakan oleh perunding dalam menilai Laporan SIA yang disediakan.
2. Semua maklumat yang dikongsikan dan dinilai dalam senarai semak ini mestilah tepat dan berdasarkan isu kritikal projek dan skor yang dicadangkan.
3. Penggerak projek dan perunding adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas maklumat yang diberikan/dinyatakan dalam senarai semak ini.

Nyatakan kategori klasifikasi pembangunan :

______________________________

______________________________

| Bab/ Tajuk | | |
|---|---|---|
| **Bab 1 : Pengenalan**<br><br>a. Maklumat Projek :<br><br>i. Nama Projek : | | |
| ii. Penerangan ringkas projek (spt. lokasi, saiz); | ☐<br>Tandakan betul<br>( )<br>jika berkenaan | Muka surat<br>Tuliskan muka surat maklumat berkenaan |
| b. Maklumat asas penggerak projek :<br><br>i. Syarikat Penggerak Projek :<br><br>ii. Pendaftaran Syarikat : ______________________________<br>iii. Alamat :<br>______________________________<br>______________________________<br>______________________________<br>iv. Nombor Telefon :<br>v. Emel : | | |

| **Bab/ Tajuk** |
|---|
| vi. Individu yang bertanggungjawab (person-in-charge):<br><br>Nama :<br>Nombor telefon :<br>Emel : |
| c. Maklumat asas perunding:<br><br>i. Syarikat Penggerak Projek :<br>____________________<br>____________________<br>____________________<br><br>ii. Pendaftaran Syarikat : ____________________<br>iii. Alamat :<br>____________________<br>____________________<br>____________________<br><br>iv. Nombor Telefon :<br>v. Emel :<br>vi. Individu yang bertanggungjawab (person-in-charge):<br><br>Nama :<br>Nombor telefon :<br>Emel : |

| Bab/ Tajuk | Tandakan betul ( ) pada tajuk yang telah diperincikan | Tuliskan Muka Surat tajuk yang telah diperincikan |
|---|---|---|
| **Bab 2 : Kenyataan Keperluan Projek (*Statement of Need*)** | | |
| (a) Pernyataan keperluan projek; | ☐ | Muka surat |
| (b) Kepentingan projek kepada masyarakat, negeri/negara; dan | ☐ | Muka surat |
| (c) Menyenaraikan pelan pembangunan / polisi / dasar antarabangsa / negara / wilayah / negeri / tempatan yang menyokong projek pembangunan (cth. Sustainable Development Goals, Rancangan Fizikal Negara, Pelan Wilayah atau Koridor, Rancangan Struktur atau Rancangan Tempatan). | ☐ | Muka surat |
| **Bab 3 : Maklumat Projek** | | |
| (a) Pilihan (opsyen) projek: | ☐ | Muka surat |
| i. Huraian proses penilaian & pemilihan opsyen projek yang optimum; | ☐ | Muka surat |
| ii. Kriteria penilaian dalam perancangan (cth: aspek kejuruteraan dan reka bentuk, sosial, alam sekitar, geoteknikal, ekonomi, trafik dll) | ☐ | Muka surat |
| (b) Perincian projek (termasuk asas perancangan, pelan susun atur, komponen projek dll); | ☐ | Muka surat |
| (c) Huraian komponen projek dan aktiviti utama sepanjang peringkat projek: | | |
| i. Pra-pembinaan; | ☐ | Muka surat |
| ii. Pembinaan; dan | ☐ | Muka surat |
| iii. Operasi. | ☐ | Muka surat |
| (d) Huraian kaedah pembinaan; | ☐ | Muka surat |
| (e) Garis masa pelaksanaan projek. | ☐ | Muka surat |

| Bab/ Tajuk | Tandakan betul ( ) pada tajuk yang telah diperincikan | Tuliskan Muka Surat tajuk yang telah diperincikan |
|---|---|---|
| **Bab 4: Pembidangan (Scoping)** | | |
| (a) Kenal pasti impak awalan dan kaedah yang diguna pakai bagi setiap fasa projek pembangunan: | | |
| i. Pra-pembinaan; | ☐ | Muka surat |
| ii. Pembinaan; dan | ☐ | Muka surat |
| iii. Operasi | ☐ | Muka surat |
| (b) Kenal pasti Zon Pengaruh: | | |
| i. Asas/ justifikasi jarak Zon Pengaruh; dan | ☐ | Muka surat |
| ii. Rajah bentuk Zon Pengaruh | ☐ | Muka surat |
| (c) Kenal pasti dan huraian mengenai pihak-pihak berkepentingan; | ☐ | Muka surat |
| (d) Kenal pasti kaedah penglibatan awam: | | |
| i. Kaedah penglibatan awam; dan | ☐ | Muka surat |
| ii. Teknik / metodologi persampelan | ☐ | Muka surat |
| **Bab 5: Sosio-ekonomi, Demografi dan Guna Tanah** | | |
| (a) Huraian lokaliti sosial sekitar tapak projek: | | |
| i. Rajah & label yang jelas; dan | ☐ | Muka surat |
| ii. Lokasi & sempadan | ☐ | Muka surat |
| (b) Analisis data sekunder; | ☐ | Muka surat |
| (c) Demografi penduduk; | ☐ | Muka surat |
| (d) Analisis guna tanah; | ☐ | Muka surat |
| (e) Pembangunan komited sekitar kawasan projek (disertakan dengan rajah yang jelas); | ☐ | Muka surat |
| (f) Kawasan sensitif sosial. | ☐ | Muka surat |

| Bab/ Tajuk | Tandakan betul ( ) pada tajuk yang telah diperincikan | Tuliskan Muka Surat tajuk yang telah diperincikan |
|---|---|---|
| **Bab 6: Dapatan Sesi Penglibatan Awam** | | |
| (a) Hasil analisis sesi penglibatan awam; | ☐ | Muka surat |
| (b) Rumusan. | ☐ | Muka surat |
| **Bab 7: Potensi Impak Sosial dan Langkah Mitigasi** | | |
| (a) Kaedah jangkaan impak yang digunakan; | ☐ | Muka surat |
| (b) Penerangan potensi impak kepada komuniti terkesan dan lokasi spesifik mengikut fasa projek pembangunan: | | |
| i. Pra-pembinaan; | ☐ | Muka surat |
| ii. Pembinaan; | ☐ | Muka surat |
| iii. Operasi | ☐ | Muka surat |
| (c) Penerangan dan penilaian keketaraan impak; dan | ☐ | Muka surat |
| (d) Langkah-langkah mitigasi bagi setiap impak yang dikenal pasti. | ☐ | Muka surat |
| **Bab 8: Pelan Pengurusan Impak Sosial** | | |
| (a) Organisasi pelaksanaan; | ☐ | Muka surat |
| (b) Mekanisme pelaksanaan; | ☐ | Muka surat |
| (c) Rangka kerja pemantauan; | ☐ | Muka surat |
| (d) Sistem pengurusan rungutan; | ☐ | Muka surat |
| (e) Pelan tindakan kecemasan; dan | ☐ | Muka surat |
| (f) Rangka kerja pelaporan dan audit (jika ada) | ☐ | Muka surat |

# LAMPIRAN 3

## SENARAI MAKLUMAT ASAS PROJEK PEMBANGUNAN



## SENARAI SEMAK

## PERMOHONAN PENILAIAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) WPKL

## MAKLUMAT PERMOHONAN, PEMILIK DAN PEMOHON

(Perlu diisi dengan lengkap)

**Tajuk Cadangan :** ______________________________

______________________________

**Nama Penggerak Projek :** ______________________________

______________________________

**No.Telefon, Faks, Email :** ______________________________

______________________________

**Nama Perunding SIA :** ______________________________

______________________________

**No.Telefon, Faks, Email :** ______________________________

| BIL | PERKARA | YA | TIDAK | STATUS/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Penggerak Projek/Perunding SIA perlu merujuk **Garispanduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (SIA) Bagi Projek Pembangunan Baharu Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** sebelum Laporan SIA disediakan dan diangkat untuk pertimbangan Mesyuarat Panel Penilai Laporan SIA. | | | |
| 2. | Keputusan Jawatankuasa Pusat Setempat (jika berkaitan) | | | |
| 3. | Pematuhan zon guna tanah dan intensiti dalam Pelan Tempatan Kuala Lumpur (PTKL) terkini. | | | |
| 4. | Urusan berkaitan tanah/pengambilan tanah (jika berkaitan) | | | |

| BIL | PERKARA | YA | TIDAK | STATUS/ CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| 5. | Nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) (jika berkaitan) | | | |
| 6. | Status Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) (jika berkaitan) | | | |
| 7. | Deklarasi Penggerak Projek, Ketua Perunding dan Ahli Pasukan | | | |
| 8. | Lain-lain maklumat yang berkaitan bagi menyokong projek ini. | | | |
| 9. | Satu (1) salinan *hardcopy* dikemukakan kepada urusetia dan 15 salinan *hardcopy* untuk edaran kepada jabatan/ agensi terlibat bagi tujuan semakan dan ulasan termasuk pautan *link* untuk softcopy. | | | |

## PERAKUAN PEMOHON/ PERUNDING

Saya bagi pihak Pemohon/ Perunding dengan ini memperakui semua dokumen dan pealan yang disertaka adalah lengkap dan benar serta mematuhi keperluan permohonan penilaian Laporan Penilaian Impak Sosial di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tandatangan :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

Cap Syarikat :

| Kegunaan Pejabat |
|---|
| Pegawai Penerima : |
| Tarikh : |
| Cop Terima : |

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

**Unit Urusetia SIA**
**Jabatan Perancangan Bandaraya Tingkat 9, Menara DBKL 1,**
**Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur**
**Tel : 03-2028 2931**
**Faks: 03-2694 3085**

# LAMPIRAN 4

## DEKLARASI KAJIAN SIA



# DEKLARASI PENGGERAK PROJEK

(NAMA PROJEK PEMBANGUNAN)

Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa keseluruhan Laporan SIA adalah hasil perunding SIA yang dilantik oleh organisasi saya dan semua fakta dan maklumat yang dinyatakan di dalam laporan adalah benar dan tepat sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, dan bahawa saya tidak berselindung atau memutarbelitkan sebarang fakta. Saya bersetuju untuk memikul tanggungjawab melaksanakan semua langkah mitigasi dan penambahbaikan impak sosial yang dinyatakan dalam Laporan SIA.

**NAMA** :

**NOMBOR KAD PENGENALAN** :

**JAWATAN** :

**TANDATANGAN** :

**TARIKH** :

**COP RASMI ORGANISASI** :

# DEKLARASI TUAN PERUNDING

(NAMA PROJEK PEMBANGUNAN)

Saya mengisytiharkan bahawa keseluruhan Laporan SIA adalah hasil kerja saya sendiri dan kerja ahli pasukan saya (iaitu: perunding SIA yang berkelayakan) yang bekerja di bawah pengawasan saya dan semua fakta dan maklumat yang dinyatakan di dalam laporan adalah benar dan tepat sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, dan bahawa saya tidak berselindung atau memutarbelitkan sebarang fakta. Saya telah memberi penerangan kepada penggerak projek mengenai kandungan laporan, dan menekankan kepadanya semua langkah mitigasi dan penambahbaikan impak sosial yang dinyatakan dalam Laporan SIA, dan penggerak projek telah bersetuju untuk melaksanakannya.

Surat deklarasi ini perlu disertakan bersama dengan sijil keahlian MIP/MSIA dan sijil penilai dan penyedia SIA (jika ada).

**NAMA** :

**NOMBOR KAD PENGENALAN atau PASPORT** :

**JAWATAN** :

**TANDATANGAN** :

**TARIKH** :

**COP RASMI ORGANISASI** :

# DEKLARASI AHLI PASUKAN

(NAMA PROJEK PEMBANGUNAN)

Saya mengisytiharkan perkara berikut:

i. Saya telah menjalankan kajian secara profesional menggunakan metodologi yang boleh diterima;
ii. Dapatan kajian adalah benar dan tepat dari pengetahuan saya dan tidak diubah dengan apa cara sekalipun;
iii. Langkah-langkah mitigasi yang dicadangkan sepanjang pengetahuan saya adalah boleh dipercayai, praktikal dan mencukupi untuk mematuhi keperluan undang-undang yang berkaitan; dan
iv. Saya akan bertanggungjawab terhadap sebarang maklumat yang mengelirukan didalam mana-mana bahagian laporan ini.

Surat deklarasi ini perlu disertakan bersama dengan sijil keahlian MIP/MSIA atau sijil profesional yang berkaitan.

**NAMA** :

**NOMBOR KAD PENGENALAN atau PASPORT** :

**JAWATAN** :

**TANDATANGAN** :

**TARIKH** :

**COP RASMI ORGANISASI** :

# LAMPIRAN 5

## SENARAI PANEL PERUNDING SIA BAGI WPKL



Lampiran B

# SENARAI PERUNDING MENYEDIAKAN LAPORAN SIA BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (KATEGORI A)

| LAPORAN SIA | JENIS PEMBANGUNAN | SYARIKAT PERUNDING SIA | KETUA PERUNDING | NO. SIA* |
|---|---|---|---|---|
| INFRASTRUKTUR UTAMA | Landasan Keretapi | **Aurecon Lestari Sdn Bhd**<br>(ERE Consulting Group Sdn. Bhd)<br>Unit No. 21-01/02/04, Level 21, IMAZIUM, 8, Jalan SS 21/37, Damansara Utama, 47400 Petaling Jaya, Selangor | Dr. G. Balamurugan | SIA 036/2022 |
| | | | Wan Muhammad Nazmi Abdullah | Tiada |
| | | | Lee Hwok Lok | Tiada |
| | | **PEERS Consult (M) Sdn. Bhd**<br>1-11A Jalan PP5D2, Taman Putra Perdana, 47100 Puchong, Selangor | TPr. Herlina Ab Aziz | SIA 018/2022 |
| | Lebuhraya | **PEERS Consult (M) Sdn. Bhd**<br>1-11A Jalan PP5D2, Taman Putra Perdana, 47100 Puchong, Selangor | TPr. Herlina Ab Aziz | SIA 018/2022 |
| PERBANDARAN BARU/PEMBANGUNAN BERCAMPUR | Perbandaran Baru | **Asia Pacific Environmental Consultants Sdn Bhd (ASPEC)**<br>30-2, Jalan 9-125D, Taman Desa Petaling, 57100 Kuala Lumpur | Pn. Sri Dr. Jahara bt Hj. Yahaya | SIA 020/2022 |
| | | | Nureni bt Kase | Tiada |
| | | | Dr. Low Kwai Sim | Tiada |

# SENARAI PERUNDING MENYEDIAKAN LAPORAN SIA BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (KATEGORI A)

| LAPORAN SIA | JENIS PEMBANGUNAN | SYARIKAT PERUNDING SIA | KETUA PERUNDING | NO. SIA* |
|---|---|---|---|---|
| | Perbandaran Baru | **ERE Consulting Group Sdn. Bhd**<br>9, Jalan USJ 2/6, 47630 Subang Jaya, Selangor | Dr. G. Balamurugan | SIA 036/2022 |
| | | **PEERS Consult (M) Sdn. Bhd**<br>1-11A Jalan PP5D2, Taman Putra Perdana, 47100 Puchong, Selangor | TPr. Herlina Ab Aziz | SIA 018/2022 |
| | | **SA Planning Services**<br>No.9-1F, Jalan Boling Padang G13/G, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor | TPr Saiful Azman bin Abdul Rashid | SIA 01612022 |
| | | **SD Environment Sdn. Bhd.**<br>36A Jalan SS15/4B, 47500 Subang Jaya, Selangor | Pn. Sri Dr. Jahara bt Hj. Yahaya | SIA 020/2022 |

# SENARAI PERUNDING MENYEDIAKAN LAPORAN SIA BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (KATEGORI A)

| LAPORAN SIA | JENIS PEMBANGUNAN | SYARIKAT PERUNDING SIA | KETUA PERUNDING | NO. SIA* |
|---|---|---|---|---|
| | | **Environmental Easia Sdn. Bhd.**<br>A11-13, Atria SOFO Suites, Jalan SS22/23, Damansara Jaya, 47400 Petaling Jaya, Selangor | Dr. Mohd Alias Lazim | Tiada |
| | | **LY Consult**<br>No. 7-1, Jalan SR4/1E, Saujana Rawang 48000 Rawang, Selangor | TPr Yuzaini Damanhuri<br>Dr. Azfizan bin Aziz | SIA 051/2022<br>SIA 051/2022 |
| | | **USAINS Holding Sdn. Bhd.**<br>Level 2, Block C, Sains@USM, No. 10, Persiaran Bukit Jambul, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang | Prof TPr Dr Azizan bin Marzuki | SIA 022/2022 |
| | | **AGV Environment Sdn. Bhd.**<br>100-6-035, Block J, 129 Offices Jaya One, 72A, Jalan Universiti 46200 Petaling Jaya, Selangor | Nureni bt Kase | Tiada |

# SENARAI PERUNDING MENYEDIAKAN LAPORAN SIA BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (KATEGORI A)

| LAPORAN SIA | JENIS PEMBANGUNAN | SYARIKAT PERUNDING SIA | KETUA PERUNDING | NO. SIA* |
|---|---|---|---|---|
| | | **Environmental Planning Group Sdn. Bhd.**<br><br>No SSB, Jalan SG 3/19, Pusat Bandar Sri Gombak 68100 Batu Caves, Selangor | TPr Megat Sahrir Zainal | SIA 050/2022 |
| | | **Iktisas Planners Sdn. Bhd.**<br><br>Lot. 303C, Lorong Selangor, Pusat Bandar Taman Melawati, 53100 Kuala Lumpur | TPr Juwairiyah Ho Abdallah | Tiada |
| | | **SENVIRO Resoures**<br><br>No.8, Lorong Seruling Emas 9, Taman Seruling Emas, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang | Prof Ts Dr Shanker Kumar Sinnakaudan | Tiada |
| | | **Chemsain Konsultant Sdn. Bhd.**<br><br>No. 3, 3-1, Jalan USJ 10/1D, 47620 UEO Subang Jaya, Selangor | Dr. Mohd Shahwahid Hj. Othman | SIA 019/2022 |

# SENARAI PERUNDING MENYEDIAKAN LAPORAN SIA BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (KATEGORI A)

| LAPORAN SIA | JENIS PEMBANGUNAN | SYARIKAT PERUNDING SIA | KETUA PERUNDING | NO. SIA* |
|---|---|---|---|---|
| | | UiTM Technoventure Sdn. Bhd. (Environmental and Social Health Research Group)<br><br>Ground floor, UiTM-MTDC Technopreneur Universiti Teknologi MARA Shah Alam 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan | TPr Dr Oliver Ling Hoon Leh | Tiada |
| | | **Nilaimas Services**<br><br>No. 17, Jalan Equine 10D, Taman Equine, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan | Dato' Seri Ts. Haji Mohd. Nawahiduddin Bin Mahamad Isa | Tiada |
| | | **YZD Planning & Consult**<br><br>No. 7-1, Jalan SR4/1E, Saujana Rawang 48000 Rawang, Selangor | TPr. Yuzaini Damanhuri | SIA 051/2022 |
| | | **NRI Holdings Sdn. Bhd.**<br><br>No 17, Jalan Equine 10D, Taman Equine, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan | Haji Mohd Nawahidudin<br><br>Bin Mahamad Isa | Tiada |

# SENARAI PERUNDING MENYEDIAKAN LAPORAN SIA BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (KATEGORI A)

| LAPORAN SIA | JENIS PEMBANGUNAN | SYARIKAT PERUNDING SIA | KETUA PERUNDING | NO. SIA* |
|---|---|---|---|---|
| | | **Green Acres Studion Sdn. Bhd.**<br><br>K-9-2, Lorong Bayan Indah 2, Bay Avenue 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang | TPr CA Cheng Hui Lin | SIA 052/2022 |

# SENARAI PERUNDING MENYEDIAKAN LAPORAN SIA BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (KATEGORI B)

| BIL. | SYARIKAT PERUNDING SIA | KETUA PERUNDING | NO. SIA* |
|---|---|---|---|
| 1. | **PE Research Sdn. Bhd.**<br><br>G-1-05, NZX Commercial Centre, Jalan PJU 1A/41B, Ara Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor | Liw Teck Leong | Tiada |
| | | TPr Ishak Ariffin | SIA 015/2022 |
| 2. | **Dr. Nik & Associates Sdn. Bhd.**<br><br>WISMA DR. NIK<br>No. 22 & 24, Jalan Wangsa Delima 6, Section 5, Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC), 53300 Kuala Lumpur | Datin Dr. Asmah Ahmad | Tiada |
| 3. | **Chemsain Konsultant Sdn. Bhd.**<br><br>No. 3, 3-1, Jalan USJ 10/1D, 47620 UEO Subang Jaya, Selangor | Dr. Mohd Shahwahid Hj. Othman | SIA 019/2022 |
| 4. | **SHMB Sdn. Bhd.**<br><br>38, Jalan 1/76D, Desa Pandan 55100 Kuala Lumpur | TPr Tan Yee Noon | Tiada |

# SENARAI PERUNDING MENYEDIAKAN LAPORAN SIA BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (KATEGORI B)

| BIL. | SYARIKAT PERUNDING SIA | KETUA PERUNDING | NO. SIA* |
|---|---|---|---|
| 5. | **Asia Pacific Environmental Consultants Sdn. Bhd. (ASPEc)**<br>30-2, Jalan 9-125D, Taman Desa Petaling, 57100 Kuala Lumpur | Dr Low Kwai Sim | Tiada |
| 6. | **PE Research Sdn. Bhd.**<br>G-1-05, NZX Commercial Centre, Jalan PJU 1A/41B, Ara Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor | Liw Teck Leong | Tiada |
| | | TPr Ishak Ariffin | SIA 015/2022 |
| 8. | **SHMB Sdn. Bhd.**<br>No. 3, 3-1, Jalan USJ 10/1D, 47620 UEO Subang Jaya, Selangor | Dr. Mohd Shahwahid Hj. Othman | SIA 019/2022 |
| | | Tn. Haji Mohd Nawahidudin bin | Tiada |
| 9. | **Wiranda (M) Sdn. Bhd**<br>No.3374, Jalan 18/31<br>Taman Sri Serdang<br>43300 Seri Kembangan<br>Selangor Darul Ehsan | TPr Juwairiyah No Abdullah | Tiada |

# SENARAI PERUNDING MENYEDIAKAN LAPORAN SIA BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (KATEGORI B)

| BIL. | SYARIKAT PERUNDING SIA | KETUA PERUNDING | NO. SIA* |
|---|---|---|---|
| 10. | **UKM Perunding Sdn. Bhd.**<br>Aras 3, Bangunan Wawasan, Universitì Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor | Dr. Mohd Alias Lazim | Tiada |

**Terima Kasih**
**Jabatan Perancangan Bandaraya**
**Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**




**Garis Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (SIA) Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2024**

**Direka oleh:**
Jabatan Pengurusan Maklumat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Unit Multimedia, Tingkat 11,
Menara DBKL 2, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.
03-2028 2078 03-2693 6649
jpm@dbkl.gov.my